

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament
PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 19

Hari Khamis

26hb Mac 1987

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) (Ruangan 31)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) (Ruangan 42)

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (Ruangan 47)

Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) (Ruangan 75)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 26hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERDAGANGAN MALAYSIA/CHINA

1, **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah kedudukan imbalan perdagangan antara Malaysia dan negara China setakat 1987 dan adakah usaha-usaha penggalakkan perdagangan yang telah dibuat dengan negara China mencapai kejayaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi perangkaan mengenai perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China bagi tahun 1987, akan tetapi bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 1986 kedudukan imbalan perdagangan di antara Malaysia dan negara China telah menguntungkan negara China sebanyak \$289.6 juta.

Usaha-usaha galakan yang dibuat oleh Kerajaan termasuk penghantaran rombongan perdagangan dan penyertaan di dalam pameran perdagangan telah menunjukkan hasil yang positif, misalnya menghasilkan jualan-jualan tertentu beberapa barangan Malaysia. Begitu juga rombongan ke Pameran Canton sebanyak dua kali setahun yang dijalankan oleh Kerajaan dengan kerjasama Pemas Trading Berhad telah membolehkan para pengimport dan pengeksport Malaysiabertemu dan berbincang dengan rakan-rakan perdagangan mereka

dari negara China dan seterusnya membuat tempahan perdagangan. Namun demikian, untuk kejayaan yang lebih, usaha-usaha galakan yang dibuat oleh Kerajaan perlulah disertai dengan usaha-usaha dari pihak swasta. Mereka perlulah mengambil tindakan-tindakan susulan bagi memastikan hubungan awal yang terjalin ketika menyertai rombongan perdagangan akan berterusan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian setelah kita membuat keuntungan pada tahun 1986 dan kita meneruskan usaha kita, apabila ada di antara seorang dua Menteri Kabinet yang cuba memburuk-burukkan Kerajaan kita, bagaimana Feed-back terhadap negara kita dengan negara China di dalam mendapatkan usaha perdagangan yang lebih baik?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang perhubungan negara Malaysia dengan Republik Rakyat China bolehlah dikatakan bagus kerana perdagangan di antara kedua-dua negara kita ada dipertingkatkan.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa negara China tidak berapa ingin untuk membuat hubungan perdagangan terus dengan negara kita melalui syarikat-syarikat Kerajaan, kerana negara China suka berdagang dengan kita melalui suatu negara lain yang mungkin berjiran dengan kita. Saya hendak tahu sama ada ini adakah benar atau tidak?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, itu benar, tetapi Kerajaan kita mesti melanjutkan sistem pelesenan A.P.

Sistem pelesenan A.P sebenarnya tidak menjadi penghalang kepada perkembangan import dari R.R.C. Pengimportan dari R.R.C. telah meningkat dari \$201.7 juta pada tahun 1971 iaitu tahun pertama

sistem pelesenan A.P. diadakan kepada \$622.3 juta pada tahun 1985. Jika sistem pelesenan A.P. dihapuskan peniaga-peniaga Malaysia yang sudah menjadi agen pengimport barangan R.R.C. akan terpaksa bersaing dengan agen-agen pengimport yang lebih besar seperti Singapura dan Hong Kong dan besar kemungkinan mereka akan ketinggalan.

TANAH KERAJAAN YANG TERBIAR

2. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) sama ada semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah menyahut seruan untuk membuka tanah-tanah Kerajaan yang terbiar untuk disewakan bagi tujuan pertanian;
 - (b) jika ya, berapa banyakkah tanah yang telah disewakan untuk tujuan tersebut oleh setiap negeri sejak projek ini dimulakan;
 - (c) selain daripada tanah Kerajaan, adakah tindakan-tindakan diambil untuk menjamin bahawa tanah-tanah persendirian akan digunakan secara positif untuk menambahkan pengeluaran makanan dengan tujuan untuk mengurangkan pengimportan makanan kita; dan
 - (d) jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan kesannya.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhut Wan]: Tuan Yang di-Per-tua, untuk menjawab bahagian (a) dan (b):

Sambutan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah-tanah Kerajaan yang terbiar bagi diusahakan oleh pihak swasta setakat ini amatlah memuaskan. Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengenalpasti kawasan seluas 5,474 hektar termasuk tanah bekas lombong untuk diusahakan dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan.

- (c) Kerajaan telah mengadakan beberapa langkah untuk menerangkan kepada tuan-tuan tanah untuk mengusahakan tanah masing-masing dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan termasuk tanaman makanan menggantikan import. Kementerian Pertanian telah mengenalpasti sebanyak 13 jenis komoditi makanan tersebut yang boleh dikeluarkan secara ekonomi dan menguntungkan. Pihak swasta dan tuan-tuan tanah persendirian adalah digalakkan turut terlibat di dalam program mengeluarkan tanaman makanan menggantikan import tersebut.

(d) Kementerian Pertanian sedang giat menyiapkan pelan-pelan pengeluaran buah-buahan yang berpotensi dan juga pelan pengeluaran bahan makanan yang boleh ditanam untuk menggantikan import. Melalui langkah-langkah ini adalah diharapkan bahawa pihak swasta akan dapat turut sama mengeluarkan bahan-bahan buah-buahan dan makanan tersebut secara komersial dan besar-besaran. Beberapa galakan dan insentif cukai telah diperkenalkan untuk menggalakkan pihak swasta menceburkan diri di dalam pelan pengeluaran tersebut.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian bahawa baru-baru ini menurut satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa dalam negara kita sekarang ini ada lebih kurang setengah juta hektar tanah terbiar. Walaupun jawapan telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi tidak cukup jelas. Maka saya meminta sama ada Kementerian akan mengadakan program jangka panjang untuk menyelesaikan atau untuk memajukan tanah yang lebih kurang setengah juta terbiar.

Yang kedua, sama ada Kementerian akan menyediakan satu peruntukan untuk membantu negeri-negeri yang menghadapi tanah terbiar.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian sekarang sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi, saya katakan mereka iaitu ada beberapa buah Kerajaan Negeri yang sudah

menyediakan heberapa anggaran dan sedang menyiapkan pelan-pelan untuk Kerajaan Negeri masing-masing untuk menggalakkan penyertaan para swasta ataupun tuan-tuan yang mempunyai tanah persendirian ini untuk mengusahakan bidang tanah mereka supaya tanah itu dapat mengeluarkan hasil oleh kerana pada ketika ini kita ketahui begitu besar dan begitu banyak harga barang makanan ataupun tanaman-tanaman yang kita import dari negeri luar. Jadi, kita sekarang sudah menumpukan terhadap masalah ini supaya mengarahkan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri itu dapat menyertai program untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini.

Mengenai laporan yang telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan kurang lebih setengah juta hektar tanah terbiar, itu memang benar, itu dianggarkan seluruh negara. Saya tidak pasti ini termasuk juga negeri Sabah dan Sarawak, mungkin hanya di Semenanjung sahaja.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan. Apakah peranan Kementerian Pertanian Malaysia untuk membangunkan tanah-tanah yang terbiar di Sarawak dan Sabah?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak dapat membuat jawapan yang tepat di sini oleh kerana Jabatan Pertanian ini adalah hak Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ke arah mengeluarkan makanan tambahan kita memerlukan input yang penting, iaitu benih-benih. Dianggarkan Malaysia import lebih kurang \$40 juta benih sayur sahaja setiap tahun; Soalan saya, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengatasi masalah pengimportan benih sayur ini dengan mengeluarkan benih-benih ini sendiri di Malaysia?

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita sedang berusaha dengan gigihnya untuk mengeluarkan benih-benih ini untuk dirapatkan di sini ataupun untuk dirapatkan 'locally', tetapi malangnya pihak MARDI oleh kerana kedesanan ataupun pihak Jabatan Pertanian oleh kerana banyak permintaan terhadap benih-benih ini, kita terpaksa mengimport benih-benih yang tidak terdapat di Malaysia ini sendiri. Pihak kita, sebagaimana saya menjelaskan tadi memang dengan daya usaha kita mencari jalan supaya kita dapat senang sahaja memberikan benih-benih yang dikehendaki oleh pihak para petani kita di Malaysia ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sedar bahawa Kerajaan cuma boleh memajukan tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh Kerajaan, tetapi sama ada Kementerian Pertanian sedar bahawa ada lagi tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh pihak-pihak swasta. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada setengah-setengah negeri yang telah berusaha untuk menggalakkan tanah-tanah terbiar swasta untuk dimajukan dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian membantu Kerajaan-kerajaan Negeri menggalakkan pihak-pihak swasta memajukan tanah-tanah yang terbiar.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat ini saya tidak dapat menjawab dengan begitu tepat oleh kerana tiap-tiap Kerajaan Negeri itu ada syaratnya sendiri dan juga ada mempunyai planning sendiri yang sesuai untuk satu-satu negeri. Tetapi anggaran yang kita sediakan, iaitu menurut keperluan negeri masing-masing, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, anggaran yang tersebut kita bincang masa perbincangan Budget dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini.

NILAI HARTA PERNIAGAAN/PERINDUSTRIAN

3. **Dato Dr K.S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan nilai harta perniagaan dan perindustrian yang belum terjual dalam negara dan sama ada akan mengujudkan suatu dasar liberal membolehkan kepunyaan harta dan penyediaan kewangan asing bagi mengatasi kelebihan ini dan menyelamatkan para pemaju dan pemilik tempatan daripada menghadapi kesukaran kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan-laporan pasaran yang diterbitkan di Kuala Lumpur terdapat 6 juta kaki persegi ruang pejabat yang masih kosong dan ini bernilai kira-kira \$1 billion. Kerajaan memang sedar akan keadaan ini dan masalah yang dihadapi oleh pemaju dan pemilik, oleh kerana itu langkah-langkah telahpun diambil untuk mengatasinya.

Pada 19hb Disember, 1986 yang lalu Dewan ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Tanah Negara bagi membolehkan warganegara asing memiliki hartanah di negara kita ini. Pindaan ini yang telahpun digezetkan pada 31hb Disember, 1986 dijangka dapat menggalakkan warganegara asing melabur di sektor hartanah. Di samping itu, Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai keuntungan harta tanah bagi individu-individu yang bukan pemastautin daripada 40% kepada kadar yang dikenakan kepada individu-individu yang pemastautin, iaitu 5% hingga 20% bagi syarikat dan individu.

Tindakan ini adalah untuk menggalakkan pertumbuhan sektor hartanah dan memastikan bahawa urusan hartanah oleh orang asing tidak terhalang oleh kadar cukai yang tinggi itu. Kerajaan juga tidak ada sekatan tentang penyediaan kewangan asing bagi membeli hartanah dan bangunan di negara kita **ini**,

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharap bahawa dasar liberal Kerajaan ini dapat mengatasi masalah lebih bekalan di sektor hartanah dan meringankan beban pemaju-pemaju dan pemilik tempatan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan sama ada terdapatnya Jawatankuasa Perancangan Bandar di negara kita? Jikalau ada, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sama ada kajian-kajian terperinci dijalankan oleh Jawatankuasa ini sebelum sesuatu projek diluluskan demi membantu para peraju dan pelabur dari mengalami kerugian yang sewenang-wenangnya?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa soalan ini adalah sedikit terkeluar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa tentulah pihak Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan untuk membantu pihak swasta untuk memajukan atau menjalankan atau melancarkan sesuatu projek. Soalan asal ini berkenaan dengan dasar liberal yang telah diambil oleh Kerajaan untuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, saya bersetuju dengan cadangan Timbalan Menteri, jadi saya perintahkan supaya tidak usah dijawab soalan tambahan itu.

Jemput Yang Berhormat Tuan Paramiit Singh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

PAKAR JANTUNG KE HOSPITAL BESAR, IPOH

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah (S.O. 23(2))] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menghantar seorang Pakar Jantung ke Hospital Besar, Ipoh; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membekalkan alat "scanning" dan perkakas-perkakas moden lain kepada Hospital Besar, Ipoh kerana di waktu ini pesakit-pesakit hospital tersebut terpaksa dihantar ke Kuala Lumpur untuk berbagai pemeriksaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) dan (b):-

- (a) Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menyediakan unit Kardiology di Hospital Besar, Ipoh pada ketika ini. Unit Pakar Perubatan Umum yang ada di Hospital itu akan terus mengendalikan kes-kes penyakit jantung seperti juga di Hospital-hospital yang lain.
- (b) Dalam tahun 1986, Kementerian Kesihatan telah membekalkan 1 unit alat sector-linear ultrasound scan. Beberapa alat perubatan moden yang lain juga sentiasa dibekalkan dari masa ke semasa kepada Hospital Besar, Ipoh,

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, bolehkah Yang Berhormat memberi tahu Jabatan-jabatan seperti Jantung, Mata dan sebagainya yang ada di Hospital Besar, Ipoh dan di antara beberapa jabatan tidak mempunyai Pakar Perunding?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit, iaitu jantung, mata. Ini apa?

Tuan G. Rajoo: Jantung dan Mata?

Tuan Yang di-Pertua: Heart and Eyes?

Cik Teng Gaik Kwan: Oh! Jantung dan Mata. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingat soalan tambahan ini sudah keluar dari soalan asal, sebab soalan asal ialah berkenaan Kardiology.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun ingat macam itu [Ketawa].

Cik Teog Gaik Kwan: Sebab, soalan asal ialah berkenaan dengan jantung sahaja iaitu Kardiology.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan asalnya, sama ada Kerajaan akan menghantarkan seorang Pakar Jantung ke rumah sakit itu. Ini pertanyaan asal. Lepas itu ditanya mahu Pakar Mata, Jantung dan sebagainya. [Ketawa] Minta maaf, itu tidak usah dijawab. Saya

minta kerjasama, tolonglah kalau soalan tambahan itu hendaklah stick to the point kepada soalan asalnya.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Hospital Besar Kuala Lumpur yang mana hospital-hospital di Malaysia yang ada mempunyai Pakar Jantung?

Cik Teog Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Pakar Jantung yang ada pada ketika ini ialah di Hospital Besar Kuala Lumpur iaitu 3 orang. Di lain-lain negeri tidak ada Pakar Jantung.

KABAJIKAN BEKAS PERAJURIT

5. Lt.Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kementerian Pertahanan bagi menolong bekas-bekas perajurit mengatasi masalah-masalah sosio-ekonomi yang sering dihadapi oleh mereka terutama sekali anggota-anggota yang berpangkat rendah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini dan seperti mana yang telah dijelaskan, iaitu Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap kebajikan bekas-bekas perajurit khususnya mereka yang berpangkat rendah. Dalam usaha ini Kementerian Pertahanan telah mengendalikan berbagai langkah dan program pembangunan bekas perajurit yang berlandaskan kepada peningkatan keupayaan dan keniampuan bakal-bakal bekas perajurit dengan matlamat supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat awam melalui kerjaya mereka yang tertentu apabila bersara nanti.

Di antara langkah-langkah penting yang telah dijalankan oleh Kementerian ini ialah program kesedaran dan memupuk sikap yang positif di kalangan bakal-bakal bekas perajurit melalui kursus penyesuaian yang khas dengan memberi penekanan dari segi pemikiran, sikap, dorongan dan kemahiran kursus, melahir dan membina usahawan juga diadakan dengan kerjasama Pusat Daya Pengeluaran Negara dan MARA.

Melalui Program Pembangunan Bakal dan Bekas Perajurit-penekanan

diberikan kepada aktiviti-aktiviti latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemudahan-kemudahan mendaftar pekerjaan dan penyertaan di rancangan-rancangan tanah FELDA.

Sebagai program pembangunan bekas perajurit yang sedang dilaksanakan sentiasa dikaji dari masa ke semasa. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan bagi membantu bekas perajurit mengatasi masalah sosio-ekonomi mereka ialah penekanan ke atas aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang diberikan oleh pihak Kementerian ini.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya ialah mengenai langkah-langkah baru. Yang Berhormat telah memberitahu pada Dewan ini iaitu langkah-langkah yang biasa diambil daripada 20 tahun yang saya tahu dahulu. Tetapi yang saya ingin tahu ialah langkah-langkah baru,

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya tegaskan melalui jawapan saya tadi, penekanan yang diberi sekarang ialah ke atas aktiviti-aktiviti yang sedang ada, kerana Kementerian percaya bahawa melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sekarang adalah mencukupi untuk menampung memberi peluang-peluang mengikuti kursus-kursus oleh bekas-bekas perajurit kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan memberi peluang kepada perajurit untuk masuk rancangan tanah FELDA. Apakah langkah-langkah baru dibuat bagi memanjangkan umur pada perajurit supaya dapat masuk ke FELDA. Kalau sekarang hanya umur 45 tahun sahaja. Tidakkah boleh dilanjutkan kepada 50 tahun umpamanya? Itu satu langkah baru.

Kedua, adakah diberi kepada perajurit ini pinjaman kewangan umpamanya, setelah mereka menjalani latihan di MARA atau lain-lain institusi?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk bekas-bekas perajurit menyertai Rancangan Tanah FELDA, memanglah pihak Kementerian melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit selalu menghubungi pihak FELDA untuk memberi peluang-peluang kepada bekas-bekas perajurit menyertainya. Tetapi syarat yang telah ditentukan oleh FELDA itu terpaksa diikut. Walau bagaimanapun, keutamaan harus diberi kepada bekas-bekas perajurit. Dan mengikut angka yang saya ada ini daripada semenjak tahun 1971 - 1985 seramai 7,823 orang bekas-bekas perajurit kita telahpun diambil untuk menyertai Rancangan Tanah FELDA. Maafkan saya sebab soalan yang kedua itu saya tidak berapa dengar, tolong ulangi.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dilanjutkan umur dari 45 - 50 tahun masuk FELDA? Yang kedua, masalah pinjaman kewangan, adakah pihak persatuan bekas-bekas perajurit memberi bantuan kewangan kepada bekas-bekas perajurit ini yang telah menjalankan latihan di MARA atau lain-lain institusi yang diadakan?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan tadi syarat-syarat untuk memasuki tanah-tanah rancangan yang dianjurkan oleh Kerajaan melalui FELDA mestilah terpaksa diikut. Tetapi saya percayalah keutamaan diberi kepada mereka yang terdiri daripada bekas-bekas perajurit walaupun mereka meningkat umurnya sedikit. Tentang pemberian wang bantuan, saya percaya ini tidaklah digalakkan oleh Kerajaan kerana mengikut apa yang saya difahamkan sebelum seorang anggota itu bersara, dia mengikut beberapa kursus yang mana diberi gaji penuh dan pendedahan mereka kepada berbagai-bagai bidang seperti bidang perniagaan dan seterusnya.

Saya ada butir-butir yang mungkin saya boleh sebutkan bagi pengetahuan Yang Berhormat sekalian iaitu tentang kursus yang diadakan di mana bilangan peserta-peserta yang telah mengambil bahagian seperti kursus runcit Pernas Edar, kursus juru jualan kedai runcit, kursus kontraktor binaan termasuk juga kursus ternakan ayam, itik, ikan air tawar, memproses makanan dan juga kepada kursus-kursus insurans yang dianjurkan oleh syarikat insurans swasta dengan kerjasama bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit kita. Mengikut angka yang saya ada ini, bilangan peserta pada tahun 1986 adalah lebih kurang 3,944 orang dalam berbagai-bagai kursus.

Puan Aion binti Ariffin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dua perkara, iaitu pertama, adakah bekas-bekas tentera kita ini diberikan kuota khas dalam mendapatkan rumah-rumah kos rendah ataupun rumah sederhana yang didirikan oleh pihak Kerajaan atau swasta? Yang kedua, adakah mereka ini diberi keutamaan, kerana tadi kita dengar mereka ini telah diberi kursus-kursus dalam hal perniagaan? Adakah mereka diberi kuota khas kalau mereka memasuki tender-tender untuk mengambil tender di Kementerian Pertahanan sendiri, kerana bekas perajurit mengamok marah kerana tender tidak pernah dapat? Yang lainnya, bagaimana dengan permit teksi, apakah mereka diberi kuota khas mengenangkan jasa mereka?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih. Saya percaya banyak soalan yang hendak ditanya berkenaan dengan hal ehwal bekas-bekas perajurit kita. Ini menunjukkan betapa minat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang kedudukan bekas-bekas perajurit kita.

Sebenarnya banyak perkara yang telah disediakan dan akan disediakan untuk kemudahan dan kebaikan bekas-bekas perajurit kita. Sepertimana kita semua sedia maklum; boleh dikatakan di semua negeri kita terdapat Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit yang mengendalikan berbagai-bagai nasihat kepada bekas-bekas perajurit dengan kerjasama persatuan bekas-bekas perajurit. Saya percaya jikalau bekas-bekas perajurit yang telah bersara, memanglah sudah bersara jadi bekas, menghubungi bahagian-bahagian tertentu mereka akan diberi layanan yang istimewa dan apabila mereka telah menjalankan latihan mereka di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, mereka akan juga diberi kerjasama oleh bahagian ini untuk mendapat berbagai pekerjaan.

Tentang permit lori dan teksi tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ini selalulah bahagian ini merapatkan hubungannya dengan pihak-pihak yang mengeluarkan lesen seperti Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa suatu permohonan yang disokong kuat oleh Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit ini akan secara automatik mendapat permit. Ini saya ingin menegaskan di sini. Tetapi saya berharaplah bahawa Kementerian-kementerian yang berkenaan akan memberi kerjasama dan keutamaan kepada mereka yang telah bersara daripada Angkatan Tentera kita.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tengok Timbalan Menteri semua soalan-soalan dia dapat jawab. Saya ingin tahu, adakah Timbalan Menteri menjawab soalan-soalan ini berdasarkan kepada pengalaman melihat keadaan mereka ataupun melalui jawapan di kertas sahaja? Kerana saya adalah salah seorang

Penasihat Badan Kebajikan Bekas Perajurit Wilayah Persekutuan. Saya nampak bahawa bekas perajurit memang kurang terbela dan saya ingin tahu, adakah Kerajaan bercita-cita mengadakan satu jabatan khas untuk memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit mengadu nasib mereka supaya mereka tidak terbiar?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab soalnya amatlah senang sekali sebab, kami ini bagi pihak Kerajaan menjawab soalan bagi pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan, dan jawapan kita ini berpandukan juga kepada selain daripada jawapan yang disediakan kepada pengalaman, jika ada.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sepertimana yang telah saya tegakan beberapa kali terdapat Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit dan saya percayalah jikalau perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan-soalan di sini dikemukakan kepada Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit banyak yang boleh dijawab. Walaupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa banyak perkara-perkara yang harus diperbaiki untuk kebaikan kepada bekas-bekas perajurit kita, tetapi sepertimana yang telah saya tegaskan tadi, kursus-kursus yang disediakan seperti hendak-meningkatkan daya, pemikiran, komitmen dan seterusnya harus ditingkatkan lagi. Ini terpulanglah kepada personaliti itu sendiri. Jikalau dia telah bersara daripada Angkatan Tentera tetapi tidak berupaya lagi, tidak ada semangat lagi hendak mengambil bahagian, baik walaupun dia telah dipilih menjadi seorang peserta FELDA, saya percaya tidak ada siapa pun boleh membantu dia.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Setelah begitu lama, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telah berusaha untuk membantu bekas-bekas perajurit kita setelah mereka berhenti daripada bertugas, tetapi segala kursus, segala bantuan yang diberikan itu saya rasa kurang berkesan dan banyak usaha-usaha yang telah dijalankan itu kita dapati pihak perajurit kita tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula dengan begitu serius kerana perkara ini akan memberi beban kepada Kerajaan jika sekiranya Kerajaan tidak mengambil kira tentang masalah yang mereka akan hadapi setelah mereka berhenti daripada kerja ataupun berhenti daripada menjalankan tugas ini,

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang telah saya tegaskan tadi dan berpandukan kepada banyak soalan yang ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya bahawa program untuk membangunkan bekas perajurit kita akan dikaji dan akan terus dikaji dari masa ke semasa.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Soalan tambaban Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang adakah di kalangan bekas-bekas perajurit ini yang terdiri daripada wanita-wanita. Jika ada, apakah langkah-langkah khas untuk pembekuan kumpulan wanita ini dan jika tidak ada, mengapa?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti juga di mana-mana Kementerian sekali pun hal ehwal wanita tidak diabaikan. Dan saya percaya dalam Kementerian Pertahanan juga melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas-bekas Perajurit, kemampuan dan kehendak kaum wanita juga diambil kira.

IMPORT BUAH KELAPA MUDA

6. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar negara ini mengimport buah kelapa muda dari negara jiran, jika benar kenapa berlaku demikian.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang benar negara ini mengimport buah kelapa muda daripada negara jiran terutamanya daripada negara Thai. Dalam tahun 1986 misalnya, negara ini telah mengimport sejumlah 16,000 biji buah kelapa muda daripada negara Thai.

Kegiatan mengimport buah kelapa muda ini memanglah merupakan aktiviti perdagangan biasa dua hala sepertimana kita mengimport buah-buahan lain seperti mangga, mata kucing dan lain-lainnya. Berbanding dengan jumlah permintaan untuk buah kelapa muda di negara ini, jumlah import tersebut adalah kecil. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sedang mengesan dengan rapi kemasukan buah kelapa muda ini bagi memastikan faedah kempen kelapa muda dinikmati sepenuhnya oleh pekebun-pekebun kecil tempatan dan bukan oleh negara lain.

Tuan Ismail bin Nagore: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kelapa muda yang dikeluarkan dalam negara ini tidak mencukupi ataupun kelapa muda yang dibawa dari negara Thai itu lebih enak ataupun lebih sedap daripada kelapa muda di Malaysia **ini**.

Tuan Luhah Han: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya sendiri pun belum lagi minum air kelapa muda daripada negara Thai ini dan tidak dapat memberi jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Jikalau ada satu ketika yang baik nanti boleh jadi kita boleh bandinglah, kita minum air kelapa muda Malaysia dan kita minum air kelapa muda negara Thai dan bolehlah kita memberi penjelasan yang begitu tepat di sini.

Mengenai adakah tidak kelapa muda di negara ini mencukupi keperluan negara kita sendiri, ini saya sendiri tidak pasti, saya ingat banyak juga kelapa-kelapa muda di sini tetapi dipunyai oleh para estet-estet yang besar, mungkin mereka itu tidak mahu menjualkan kelapa muda mereka kepada pekebun-pekebun kecil terpaksa para pekebun-pekebun kecil menggunakan kelapa muda ini mengambil kelapa-kelapa muda yang datangnya daripada negara Thai itu.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian, Menteri dan Timbalan Menteri sedar bahawa masalah kelapa muda ini menjadi satu masalah kepada peniaga-peniaga kelapa muda. Tujuan asal kita dahulu buat kempen Yang Berhormat Dato Seri Sanusi bersusah payah, adakan pertandingan macam-macam ialah untuk hendak meninggikan harga dan tarat hidup para penanam pokok kelapa di negara kita sendiri. Tetapi seperti biasa perkara-perkara begini selalunya diselewengkan dan alasannya ialah kerana tidak cukup, tidak layak dan lain-lain, biasalah kita merendahkan sendiri hak kita.

Adakah Kementerian bercadang untuk menyekat terus kemasukan buah kelapa ini dari Thailand supaya dapat segera Menteri dan Timbalan Menteri serta Kementerian berkenaan membuat kajian cukup tidak cukupnya kelapa dalam negeri.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian ada mempunyai beberapa syarat untuk menyekat kemasukan kelapa muda ini dengan begitu senang sahaja ke negara kita Malaysia, salah satu daripada usaha kita untuk menyekat kemasukan buah kelapa muda daripada negara luar ini ialah dengan mengenakan kadar duti iaitu pada kadar \$500 setan, ini akan meningkatkan harga jualan kelapa yang diimport itu pada kadar \$1.80 sebiji dan \$2 sebiji yang ternyata lebih mahal daripada kelapa muda tempatan.

MARDEC - KONTRAK BEKALAN GETAH KE KOREA SELATAN

7. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) telah mendapat kontrak \$24 juta untuk membekal getah asli kepada sebuah syarikat kilang tayar di Korea Selatan dan sejauh manakah kejayaan kontrak itu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pihak MARDEC telah mendapat kontrak bernilai \$24 juta sepertimana yang dibangkitkan. Setakat ini kontrak ini telahpun ditandatangani dan mengikut perjanjian MARDEC akan membekalkan bahan tersebut kepada syarikat berkenaan mulai bulan April, 1987 ini hingga Mac, 1988.

JABATAN PERPADUAN NEGARA - KEKOSONGAN JAWATAN

8. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kekurangan jawatan Pegawai-pegawai di Jabatan Perpaduan Negara diisi kerana terdapat kekosongan pada masa ini terutama di kawasan-kawasan yang sangat mustahak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Raja Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini. bahawa tindakan bagi mengisi kekosongan di Jabatan Perpaduan Negara sedang dijalankan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan, untuk mengisi kekosongan di Jabatan Perpaduan, adakah kita lebih utamakan kepada mereka ini adalah pegawai yang betul-betul jujur dan tidak sentimen kepada mana-mana kaum di dalam negara kita?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Speaker, dalam mengambil pekerja-pekerja sebagai pegawai Kerajaan adalah diharapkan bahawa pertamanya mereka memenuhi kelayakan syarat yang ditentukan dan kita juga mengharapkah mereka dapat menjalankan kerja-kerja mengikut arahan-arahan dan tanggungjawab yang diberikan oleh Kerajaan dan ini mestilah memenuhi tugas-tugas bagi bidang-bidang tertentu.

RISALAH KRISTIAN

9. **Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai sebuah Pertubuhan Kristian yang berpusat di sebuah negara asing menyebarkan risalah Kristian kepada orang-orang Islam di negara ini dan apakah tindakan yang telah diambil bagi menyekat gerakan tersebut kerana tindakan yang mereka buat itu jelas bercangah dengan Perlembagaan Negara yang tidak membenarkan agama lain membuat propaganda terhadap orang Islam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini dua risalah Kristian dalam Bahasa Malaysia yang cuba memesong akidah umat Islam telah disebar kepada sebilangan rakyat di negara ini. Risalah-risalah tersebut kelihatan seperti dihantar dari luar negeri. Perkara ini sedang dalam siasatan Polis, dan oleh kerana itu saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat lanjut supaya tidak menjejaskan penyiasatan yang sedang dijalankan.

Memadailah bagi saya untuk menegaskan di sini bahawa tindakan sewajarnya akan diambil di sisi Perlembagaan dan undang-undang negara berasaskan kepada hasil stasatan itu nanti.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas siasatan dibuat, bolehkah Kementerian itu namakan pertubuhan yang tersebut, dan Kementerian ini juga namakan pertubuhan yang dikatakan memberikan wang sebanyak \$10 juta sebagai rasuah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah wang \$10 juta untuk rasuah itu tidak bersangkutan paut dengan soalan ini. Ini adalah kena mengena dengan risalah yang dijangka dihantar daripada negeri kepada penduduk-penduduk Islam di negara ini.

DEEPAVALI - CUTI TAMBAHAN

10. Tuan C. Krishnan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah beliau sedar bahawa pada masa ini bagi Tahun Baru Cina dan Hari Raya dua hari diberikan sebagai cuti am di sekolah seluruh jenis kebangsaan Cina dan di sekolah-sekolah kebangsaan mengikut arahan Kementerian Pelajaran. Akan tetapi sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) pula dikehendaki memohon sehari lagi sebagai tambahan untuk mendapatkan dua hari sebagai cuti am pada masa Deepavali, Apakah Kementerian Pelajaran tidak dapat mengeluarkan arahan ini dari atas supaya tidak perlu bagi seluruh sekolah Tamil memohon untuk cuti tambahan itu tiap-tiap tahun semasa Deepavali.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan menetapkan hari-hari kelepasan am bagi sesuatu perayaan ataupun upacara adalah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Mana-mana hari kelepasan am yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran untuk sekolah-sekolah adalah tertakluk kepada dan selaras dengan hari-hari kelepasan am yang telah ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan itu.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kementerian Pelajaran mengarahkan Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Menengah, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina memberikan cuti tambahan satu atau dua hari untuk perayaan Hari Raya Puasa, Hari Tahun Baru Cina. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi perayaan Deepavali, Kementerian Pelajaran tidak memberi apa-apa arahan untuk menutup Sekolah-sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada beberapa ketika atau masa-masa tertentu. Saya rasa ianya bukan arahan tetapi adalah pendapat ataupun cadangan pihak Kementerian Pelajaran. Namun demikian, cuti-cuti yang boleh diambil oleh mana-mana sekolah bukan hanya bergantung kepada cadangan dibuat oleh Kementerian Pelajaran, bergantung juga kepada adanya cuti-cuti tertentu yang dikhaskan kepada sekolah-sekolah terutama sekali cuti yang dipanggil "occasional holidays" ataupun cuti yang boleh ditambahkan kepada cuti yang ada supaya dapat dipanjangkan cuti hari-hari kelepasan yang disebutkan ttu. Jadi saya rasa tidak timbul soal bagi kita memberi arahan kepada mana-mana pihak sekolah-sekolah untuk mengadakan hari kelepasan yang lebih bagi hari perayaan yang tertentu dan tidak kepada hari perayaan yang lain pula.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Timbalan Menteri Pelajaran hari raya Deepavali adalah satu perayaan bukan sahaja diraikan oleh kaum India beragama Hindu tetapi juga ini adalah satu perayaan nasional. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempertimbangkan cadangan saya supaya untuk hari Deepavali diberi satu hari cuti tambahan kepada seluruh sekolah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Uli: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh dipertimbangkan tetapi tidaklah boleh saya jamin bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat itu dapat 100% kita pertimbangkan dengan saksama, kerana cadangan kita perlu diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Dan oleh kerana itu kita boleh mempertimbangkan tetapi tidak pasti apa yang kita pertimbangkan dan kaji itu akan diluluskan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan hari cuti khas yang diperuntukkan kepada sekolah, khususnya "occasional holidays".

Tuan Haji Bujang bin Haji Uli: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya ada tiga hari dalam satu tahun yang boleh digunakan kalau sekiranya didapati bahawa sekolah-sekolah itu ingin memanjangkan cuti persekolahan tertentu; Hari Raya Puasakah, Tahun Baru Cinakah, Deepavalikah maka sekolah-sekolah itu boleh gunakan mana-mana tiga hari tetapi tidaklah seterusnya sekali gus menggunakan tiga hari nanti masa lain hendak diadakan cuti panjang sedikit tidak boleh. Jadi terpulang kepada kebijaksanaan sekolah untuk menggunakan tiga hari yang ditetapkan itu.

KKSESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

11. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah lalulintas di Kuala Lumpur menjelang tahun 1990an hingga 2,000 kelak.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang dL-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Di antara langkah-langkah yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:-

- (i) pelaksanaan Projek Pembangunan Jalanraya; dan
- (ii) memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam.

Dalam konteks pelaksanaan Projek Pembangunan Jalanraya, satu kajian Pengangkutan Pelan Induk telah dijalankan dan telah disiapkan pada tahun 1980, Melalui kajian ini, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa cadangan yang memerlukan pelaburan pokok lebih kurang \$989.5 juta dalam jangka masa 20 tahun akan datang. Cadangan-cadangan ini adalah merupakan usaha Kerajaan yang berterusan ke arah pelaksanaan projek pembangunan jalanraya. Tumpuan akan diberikan kepada pembaikan jalan-jalan utama bagi memudahkan penyaluran perkhidmatan perhubungan kepada pusat-pusat pertumbuhan yang baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Di antara jalan-jalan yang telah dikenalpasti -bagi maksud pelaksanaan cadangan ini termasuklah :-

- (i) Jalan "Northern Route" iaitu dari Jalan Pahang ke Jalan Ulu Kelang, yang akan melalui Bandar Baru Wangsa Maju;
- (ii) Jalan "Eastern Route", iaitu dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang. Kedudukannya ialah di sebelah timur Wilayah Persekutuan; dan
- (iii) Jalan Lingkaran Tengah dahulu dinamakan "Outer Ring Road". Kedudukannya ialah di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan;
- (iv) Jalan hubungan Timur-Barat iaitu di antara Jalan Cheras dengan Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam, adalah perlu dinyatakan bahawa usaha-usaha yang berterusan bagi membina jalan-jalan dan jejambat baru yang bertujuan memudahkan pengaliran lalulintas itu tidak akan dapat mengatasi semua masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Sebaliknya, ianya akan menggalakkan pemilikan kenderaan persendirian dan akan mendorong keadaan lalulintas yang tidak stabil. Oleh hal yang demikian, suatuimbangan perlu diadakan melalui pembaikan peangkutan awam, sistem jalan yang baik serta polisi sekatan penggunaan kereta persendirian.

Sehubungan itu, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem-sistem pengangkutan awam yang moden dan komprehensif seperti Transit Laju Ringan, Aerobus dan Metrolink. Melalui ketiga-tiga sistem ini Kerajaan berharap masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur akan dapat diatasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kajian Pengangkutan Pelan Induk yang dimaksudkan telah mengenalpasti anjakan "mode" sebanyak 40% daripada pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam dan ianya adalah tahap dasar yang paling minima untuk mewujudkan keadaan lalulintas yang selesa pada tahun 2000.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan apabila sampai hasrat Kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Wilayah Persekutuan, adakah jalan-jalan itu besok semua diadakan tol semacam mana jalan-jalan dibuat oleh Kementerian Kerjaraya? **[Ketawa]**

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di antara empat jalanraya-jalanraya yang saya sebutkan sebentar tadi di dalam pertimbangan Kerajaan dan Kementerian cuma ada satu sahaja yang akan dikenakan tol. Yang lain saya tidak dapat pasti, itu bolehlah tanya Yang Berhormat Dato' Samy Vellu. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal ini bagi lalulintas di Wilayah Persekutuan dan tidak kena mengena dengan tol. Jadi segala perkara tol, saya minta tidak dijawab.

PASARAN BAHAN KELUARAN MALAYSIA DI CHINA

12. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bahawa negeri China adalah pembeli yang berpotensi besar, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mendapatkan pasaran yang lebih besar untuk bahan-bahan dagangan keluaran Malaysia.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Negara China mengamalkan dasar pengeluaran untuk memenuhi keperluan sendiri. iaitu self sufficient dan dengan demikian barang-barang yang mereka beli lebih merupakan barang-barang utama seperti minyak kelapa sawit, getah, kayu gergaji, papan lapis dan koko. Permintaan bagi barang-barang siap adalah agak terhad. Namun demikian Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha usaha menggalakan Perdagangan ke negeri China. Antara langkah-langkah tersebut ialah penghantaran rombongan-rombongan galakan perdagangan ke negeri China pada tiap-tiap tahun sejak tahun 1979. Pada tahun 1985 lebih daripada 200 usahawan Malaysia telah menyertai rombongan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China. Kerajaan juga telah menyertai pameran perdagangan aspek 1985 yang diadakan di Beijing pada tahun 1985.

Selain daripada itu Kerajaan juga telah melonggarkan syarat-syarat bagi usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga Malaysia melawat negara China untuk mencari peluang-peluang pasaran dan pelaburan. Rakyat negara China juga dibenarkan melawat negara ini untuk tujuan perniagaan.

SUBSIDI BAJA

13. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan subsidi baja kerana terdapat sebahagiannya dapat baja tetapi tidak digunakan dan terbuang begitu sahaja ataupun dijual.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan subsidi baja padi memandangkan bahawa pemberian subsidi tersebut dapat mengurangkan kos penanaman padi oleh kumpulan sasaran yang terdiri daripada petani-petani miskin. Soal penyelewengan penggunaan subsidi memang telah dimaklumi oleh Kerajaan dan beberapa langkah sedang diambil untuk memastikan bahawa petani-petani yang layak sahaja yang menerima bantuan tersebut. Di antara langkah yang diambil ialah melalui pendaftaran yang lebih rapi dan kemas oleh Pertubuhan Peladang kawasan dan penyaluran dan penyampaian bantuan tepat pada waktu yang diperlukan. Pembanterasannya penyelewengan penggunaan bantuan memerlukan kerjasama dari semua pihak dan Yang Berhormat digesa melaporkan kes-kes penyelewengan kepada Kementerian untuk diambil tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan subsidi baja padi bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima sedang dikaji semula se-
laras dengan langkah Kerajaan untuk mengurangkan kos perbelanjaan negara disebabkan oleh keadaan ekonomi yang meleset yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

PESURUHJAYA KEHAKIMAN - LANTIKAN

14. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kehakiman menyatakan bolehkah Kerajaan membuat pertimbangan ke atas perlantikan Pesuruhjaya Kehakiman, sebagai langkah-langkah sementara, untuk menyelesaikan penangguhan kes-kes ISA dan DADAH yang masih menunggu tarikh perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gio Sun]: Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987 yang kini sedang dipertimbangkan oleh Dewan Negara, kes-kes guaman yang melibatkan jumlah \$100,000 dan ke bawah akan dikendalikan oleh Mahkamah Sesyen dan dengan demikian Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang sedia ada adalah mencukupi dan akan dapat menumpukan sepenuh masa bagi membicarakan perbicaraan kes-kesnya. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk melantik Pesuruhjaya Kehakiman. Sekian, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di—Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi jawab/mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 62 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Mac, 1987).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Puan Valli' Muthusamy menyambung ucapan beliau. Silakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-pertua. Saya sekarang akan menyambung perbahasan saya kelmarin ke atas Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan).

Saya ingin merayu kepada Ketua Hakim untuk membentuk sebuah Mahkamah Sesyen dan tambah 2 buah Mahkamah Majistret di Butterworth, bandar yang sedang membangun dengan pesat.

Di sini terdapat banyak penangguhan kes yang masih menunggu di semua mahkamah. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa sebab. Saya rasa terdapat banyak masa yang digunakan untuk penyiasatan awal dalam Mahkamah Majistret. Di dalam semua mahkamah-mahkamah terdapat banyak masa yang terbuang semasa perbicaraan untuk menetapkan percakapan-percakapan amaran secara sukarela atau tidak. Saya bercadang seksyen 113 dalam Tatacara Kod Jenayah yang baru digantikan dengan seksyen 113 yang lama dan peruntukan-peruntukan mengenai penyiasatan awal dihapuskan. Keadilan yang lewat adalah keadilan yang dinafikan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mahu membahaskan Bil ini? Silakan.

3.37 ptg.

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan hormatnya untuk memohon kebenaran untuk bercakap mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda beberapa peruntukan kepada undang-undang yang sedia ada terutamanya untuk meningkatkan lagi bidang kuasa bagi Mahkamah Sesyen daripada \$25,000 kepada \$100,000 dan bagi Mahkamah Majistret Kelas Satu daripada jumlah \$10,000 kepada \$25,000 dan seterusnya bagi Mahkamah Majistret Kelas Dua kepada \$3,000 dari jumlahnya sekarang sebanyak \$250 di Semenanjung Malaysia dan \$500 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini ada satu tujuan utama iaitu untuk mengurangkan bilangan kes di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan memindahkan beban ini kepada Mahkamah-mahkamah Rendah. Ini adalah supaya Mahkamah-mahkamah Tinggi dapat mengurangkan kes-kes kebelakangan dan boleh menumpukan perhatian mereka kepada kes-kes yang lebih penting dan menyudahkan kes-kes tersebut dengan lebih cepat, Selain daripada menyelesaikan kes-kes kebelakangan di Mahkamah Tinggi, adalah juga diharapkan bahawa keadaan seperti **ini** dapat dielakkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini mungkin untuk kebaikan semua pihak dan saya ingin menyokong pindaan-pindaan tersebut. Walau bagaimanapun, saya risau bahawa pindaan-pindaan ini mungkin tidak akan berjaya mencapai tujuan yang telah dimaksudkan. Banyak bergantung kepada cara yang ianya dilaksanakan nanti dan jaga lain-lain usaha yang dibuat untuk mengatasi 'backlog of cases', dengan izin, yang sedia ada di Mahkamah-mahkamah kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemuungkinan pindaan-pindaan ini akan mengurangkan 'backlog of cases', dengan izin, dalam Mahkamah" mahkamah Tinggi, akan tetapi dengan memindahkan kes-kes ini kepada Mahkamah-mahkamah Rendah, sudah tentu bilangan kes bagi Mahkamah-mahkamah Rendah akan bertambah lagi. Apakah langkah-langkah yang telah dicadangkan untuk mengelakkan akibat ini? Satu kajian yang teliti mengenai akibat ini perlulah dijalankan dan penyelesaian dicari dan dilaksanakan. Adakah, misalnya, cadangan untuk menambahkan lagi bilangan Mahkamah-mahkamah Rendah ataupun menambahkan bilangan Presiden-presiden dan Majistret-majistret serta kakitangan penyokong mereka supaya beban-kerja yang dijangkakan menambah lagi di Mahkamah-mahkamah Rendah boleh diperdayakan atau, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, to improve the salaries and other terms and conditions of Presidents and Majistrates in our Courts?

Adakah kakitangan pentadbiran di Mahkamah-mahkamah Rendah diberi latihan yang sesuai di dalam pengendalian fail-fail dan dokumen-dokumen Mahkamah dan mendapat kembali dokumen-dokumen tersebut, ataupun mendorong mereka bekerja dan mencapai prestasi yang lebih cekap? Tanpa perancangan baik dan langkah-langkah seperti di atas, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan mengatasi masalah di Mahkamah-mahkamah Tinggi, tetapi sebaliknya ini akan mengakibatkan satu masalah besar di Mahkamah-mahkamah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang perlu diteliti adalah tabiat Pejabat Peguam Negara memindahkan kes-kes Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi walaupun kes-kes itu boleh dibicarakan di Mahkamah yang rendah. Langkah-langkah seperti ini, kalau dijalankan dengan sengaja, adalah suatu amalan yang tidak memuaskan dan boleh jadi satu rintangan kepada tujuan utama bagi pindaan-pindaan hari ini; iaitu pindaan-pindaan dicadangkan untuk memindahkan beban kerja daripada Mahkamah-mahkamah Tinggi kepada Mahkamah-mahkamah Rendah. Akan tetapi, pihak Pejabat Peguam Negara mungkin mencapai akibat yang sebaliknya. Ini adalah satu amalan yang buruk dan membuktikan sikap megah para pihak Pejabat Peguam Negara terhadap Mahkamah" Mahkamah di negara kita. Mestilah ada satu prinsip yang kukuh dalam pendekatan kita untuk mengatasi masalah kita, kalau tidak, orang ramai akan merasa keliru dan tidak puas hati. Ini akan memburukkan nama kita pihak Kerajaan jika dikatakan pindaan-pindaan yang dicadangkan tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerap kali terdapat di dalam akhbar kes-kes di dalam Mahkamah-mahkamah yang membuktikan penyiasatan yang lemah, kerja-kerja yang tidak memuaskan, keputusan-keputusan yang lemah kerana berdasar pada dokumen-dokumen yang lemah atau telah dipalsukan dan juga strategi-strategi yang tidak cekap.

Saya kata "tidak cekap", Tuan Yang di-Pertua, kerana dengan izin, to charge an individual without investigating some vital independent documents available, and later suppressing them in Courts until compelled to produce them are unethical and dishonest acts, even if not necessarily illegal acts, and it is these acts which are inconststent with the development of a clean Government.

Perkara-perkara seperti ini mengakibatkan pembuangan masa pihak Mahkamah dan juga membebankan mereka dengan kerja-kerja yang boleh dielakkan melalui penyiasatan yang teliti, keputusan-keputusan yang cekap dan penganalisan bukti atau dokumen-dokumen dengan terperinci sebelum membuat keputusan untuk menuduh seseorang atau kemukakan kes-kes kepada Mahkamah.

Pihak Pejabat Peguam Negara harus berhati-hati supaya tidak menerima semua yang dilaporkan sebagai benar di dalam aduannya. Oleh kerana itu, Pejabat Peguam Negara perlu memperolehi sekurang-kurangnya 51% atau lebih dari semua bukti yang terdapat sebelum memulakan sesuatu kes. Kalau tidak, akan membazirkan masa Mahkamah dan wang orang ramai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa pihak Pejabat Peguam Negara tidak bersetuju dengan kenyataan seperti ini oleh kerana mereka tidak mahu mengakui kepada kelemahan-kelemahan mereka sendiri. Sehubungan dengan perkara ini, saya mengesyorkan pihak Kerajaan melantik seorang Hakim dari Mahkamah Tertinggi untuk mengkaji kuasa yang diberi kepada Peguam Negara. Tujuan utama langkah tersebut adalah untuk mengulangkaji kuasa beliau supaya dapat mengelakkan pembaziran masa Mahkamah, wang awam dan juga kesan yang memburukkan imej Kerajaan. Kajian tersebut mestilah memeriksa sama ada keutamaan Pejabat Peguam Negara adalah berpatutan.

Kita dapati pada masa ini bahawa Peguam Negara sedang menguruskan kes di sebuah Mahkamah Majistret di Melaka sedangkan isu-isu yang serius mengenai Perlembagaan Negara dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, adakah ini sepatutnya berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini ada tujuan yang baik, tetapi tujuan-tujuan tersebut hanya boleh dicapai kalau langkah-langkah yang lain diambil untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan dan kakitangan di Mahkamah-mahkamah Rendah. Juga saya ingin tegaskan lagi langkah-langkah ini diambil untuk memastikan bahawa 'filing' kes-kes oleh Pejabat Peguam Negara dibuat hanya selepas penyiasatan yang cekap dan difikirkan dengan teliti. Kalau tidak, objektif-objektif pindaan berkenaan tidak boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya menyokong pindaan-pindaan ini oleh kerana saya rasa bahawa 'something is better than nothing', dengan Izin. Akan tetapi, saya harap bahawa komen-komen yang saya telah buat hari ini juga diberi pertimbangan yang sewajar kalau objektif-objektif pindaan ini ingin dicapai sepenuh penuhnya,

Sekian sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jika tiada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas, saya jemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy dan Yang Berhormat Dato' Dr. K. .S. Nijhar yang telah memberikan sokongan, pandangan, ulasan serta syor-syor yang membina semasa mereka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Akta Mahkamah Rendah **ini**.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab tiap-tiap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun begitu, percayalah bahawa setiap perkara yang tidak sempat saya jawab kali ini, semuanya telah diambil catatan dan akan dikaji serta diambil tindakan sewajarnya oleh Kerajaan.

Beberapa perkara telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini semalam dan hari ini antaranya ialah mengenai:

Perlantikan Yang Dipertua;

Perlantikan Majistret Kelas Satu;

Perlantikan Majistret Kelas Dua;

Penambahan Mahkamah-mahkamah;

Penambahan kakitangan-kakitangan;

Soai meningkatkan prestasi di mahkamah; dan

lain-lain perkara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, perlantikan Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen adalah di bawah bidangkuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong atas perakuan Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya bagi Semenanjung Malaysia dan Yang Amat Arif Hakim Besar Borneo bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi perlantikan Majistret Kelas Satu pula, perlantikan mereka adalah di bawah bidangkuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan atas perakuan Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dan bagi perlantikan di negeri-negeri adalah di bawah bidangkuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang di Pertua Negeri masing-masing atas sokongan Yang Amat Arif Hakim Besar yang berkenaan.

Mengenai perlantikan Majistret Kelas Dua, bidangkuasanya adalah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang di Pertua Negeri masing-masing tetapi Pendaftar-pentadaftar Mahkamah Sesyen adalah dengan secara automatik menjadi Majistret Kelas Dua mengikut cadangan pindaan undang-undang yang dibentangkan ini.

Mengenai cadangan supaya Yang Dipertua Mahkamah Sesyen dilantik daripada pegawai undang-undang yang berpengalaman lebih 10 tahun, sukalah saya memaklumkan bahawa pada masa inipun sejumlah besar Yang Dipertua-Yang Dipertua adalah berpengalaman antara 8 hingga 20 tahun. Adalah dirasakan bahawa pengalaman selama 8 tahun adalah memadai untuk memegang jawatan Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini adalah diambil maklum.

Berhubung dengan cadangan supaya mereka yang berpengalaman sahaja dilantik sebagai Majistret Kelas Satu, adalah dimaklumkan bahawa sebelum pegawai undang-undang ini menjalankan tugas-tugas Majistret mereka diberi latihan amali sekurang-kurangnya dua minggu dalam bidang tugas-tugas Majistret di samping berkelulusan undang-undang. Di samping itu Majistret juga dikehendaki menghadiri kursus dalam perkhidmatan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kekurangan bilik bicara

dan bangunan Mahkamah Rendah, sebenarnya Kementerian Kehakiman telahpun membuat perancangan untuk membina serta menambah bilik-bilik bicara, malangnya oleh sebab keadaan ekonomi negara sekarang ini projek-projek yang telah dirancang itu terpaksa ditangguhkan. Demikian juga Kementerian Kehakiman telah mengkaji keadaan semua Mahkamah di seluruh negara dan telah membuat perancangan untuk memperbaiki Mahkamah-mahkamah yang kurang memuaskan itu. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya katakan tadi, oleh sebab keadaan ekonomi negara sekarang kita terpaksa menjalankan kerja-kerja perbaikan itu secara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penambahan jawatan Pegawai Undang-undang dan kakitangan sokongan di Mahkamah-mahkamah Rendah pula, sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian Kehakiman memang sedar tentang keperluan untuk menambah bilangan jawatan-jawatan pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah keseluruhannya dan telahpun mengemukakan permobotian bagi mendapatkan jawatan-jawatan tambahan tersebut. Saya yakin Kerajaan akan menimbangkannya dengan serius apabila keadaan ekonomi kita bertambah baik.

Bagi mengisi jawatan-jawatan yang masih lagi belum diisi di Mahkamah-mahkamah, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa menjalankan urusan pengambilan pegawai-pegawai baru yang diperlukan oleh Jabatan-Kehakiman.

Mengenai Yang Berhormat Dato' Dr, K.S. Nijhar telah menimbulkan soal meningkatkan prestasi di Mahkamah-mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan kecekapan dan kelicinan pentadbiran Mahkamah-mahkamah, Kementerian Kehakiman telah menubuhkan Pasukan Nazirannya sendiri untuk

nengenalpasti keperluan-keperluan Mahkamah dari segi peralatan dan kelengkapan pejabat dan keperluan-keperluan seperti mesin taip, mesin pendua, perabot dan sebagainya telah dan akan dibekalkan.

Kementerian juga telah membekalkan semua Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dengan Komputer Mikro atau "Word Processor" untuk membantu mereka mempercepatkan penyelenggaraan kes-kes.

Mengenai Seksyen 113, Tuan Yang di-Pertua, caution statement, pada masa sekarang didapati berjalan dengan baik dan dengan itu tidak perlu dipinda atau dikembalikan kepada peruntukan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemindahan kes, adalah tidak benar Jabatan Peguam Negara memindahkan kes dengan sewenang-wenangnya kes-kes di antara mahkamah. Pemindahan-pemindahan ini hanya dibuat untuk kes-kes tertentu setelah meneliti semua fakta-fakta dan keterangan yang tertentu yang ianya tidak sesuai dibicarakan di Mahkamah Rendah. Pindahan ini dibuat dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Peguam Negara akan memutuskan mana-mana kes yang sepatutnya ia membuat pendakwaan, ini bergantung kepada beberapa faktor dan bukannya di mana perbicaraan ini dibuat.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Pasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:
Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1987 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat melalui Rang Undang-undang ini adalah hampir serupa dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan [Pindaan] 1985, apabila Lembaga Pelabuhan Kelang diswastakan dahulu.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan mengadakan beberapa seksyen baru dalam Akta Suruhanjaya- Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Seksyen baru 25A bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak hak padanya bagi maksud-maksud Persekutuan. Peruntukan ini adalah selaras dengan Artikel 86 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen baru 33A adalah bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat atau mana-raana orang yang diberi lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti pelabuhan mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk mengubah segala bayaran yang sedia ada.

Seksyen baru 59A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bagi melesenkan syarikat-syarikat atau mana-mana orang untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti di pelabuhan. Ini adalah untuk membolehkan syarikat swasta itu menjalankan aktivitinya mengikut undang-undang. Kuasa untuk Suruhanjaya menceburi dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keutungan dan sebagainya dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan mana-mana syarikat adalah diberi di bawah seksyen baru 59B. Kuasa ini diberi dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan dengan mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seksyen baru 70B adalah bertujuan untuk memberi kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambilalih aktiviti yang telah diswastakan itu apabila berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam. Untuk tujuan pengambilan alih tersebut pampasan yang munasabah akan dibayar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastan pelabuhan-pelabuhan telah bermula dengan penswastan Terminal Kontena di Pelabuhan Kelang pada awal tahun lepas.

Bagi penswastan Pelabuhan Pulau Pinang pula, di samping meminda Akta Pelabuhan Pulau Pinang, tindakan sedang diambil bagi melantik sebuah bank saudagar swasta untuk menjalankan kajian cara-cara yang sesuai sekali bagi penswastan pelabuhan **ini**. Dengan pindaan yang dikemukakan ini beberapa peruntukan akan diadakan di dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 bagi membolehkan aktiviti-aktiviti di pelabuhan tersebut diswastakan. Buat masa

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha: Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) - Bacaan Kali Yang Kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri yang berkenaan tiada di sini? Siapa yang akan mencadangkan Rang Undang-undang ini? Mana dia Menteri yang berkenaan? Kita tempohkan mesyuarat ini selama 10 minit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddamj:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Are you moving the Bill?

Tuan' Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan ada halangan sedikit; beliau akan sampai dalam 5 minit:.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, berapa lama?

Tuan Kasitah Gaddam: 5 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tunggu 10 minit.

Dewan ini dtempohkan sekarang.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.11 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 422 petang.

RANG UNDANG KKESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol] :Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dalam tahun 1984, Yang Berhormat Menteri Buruh telah memberi jaminan bahawa Skim Keselamatan Sosial Pekerja akan sentiasa mendapat perhatian demi menjaga kepentingan pekerja-pekerja dan tanggungan mereka. Kementerian Buruh juga telah meneliti kesan pindaan ini yang bertujuan meluaskan lagi faedah serta mengurangkan karenah pentadbiran berhubung dengan pembayaran faedah untuk membolehkan lebih ramai pekerja dan tanggungannya menikmati faedah dengaa kadar yang cepat. Hasil daripada kajian ini, sukacita dimaklumkan bahawa satu langkah ke arah memajukan lagi skim keselamatan sosial di negara ini dilakukan dengan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 pada kali ketiga. Salah satu daripada kritikan yang sering dilemparkan kepada PERKESO ialah kadar faedahnya terlalu rendah dan tidak mencukupi.

Dalam hubungan ini, izinkan saya menjelaskan bahawa kadar faedah di bawah Sekim Keselamatan Sosial ialah dihitung berdasarkan kepada gaji pekerjaan berkenaan. Oleh yang demikian, jika gaji seseorang pekerja itu rendah, maka pembayaran faedah juga turut rendah. Menyedari akan kesusahan yang dihadapi oleh sekumpulan

pekerja yang bergaji rendah, maka satu kadar minimum sebanyak \$8 sehari atau \$240 sebulan bagi faedah hilang upaya langsung yang kekal telah ditetapkan mulai dari Januari, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan, asas faedah yang diperuntukkan di bawah Akta sekarang akan ditingkatkan. Faedah hilang upaya sementara dibayar kepada seorang pekerja yang tidak dapat terus bekerja disebabkan ditimpa bencana kerja akan dinaikan daripada 70% kepada 80% daripada gaji purata bulanan, atau assume monthly average wage dan tempoh kelayakan bagi menerima faedah ini dikurangkan daripada 5 hari kepada 4 hari. Kadar faedah bagi kecederaan parah yang mengakibatkan pekerja menghadapi kehilangan upaya langsung yang kekal atau kematian dinaikkan daripada 70% kepada 90%.

Di samping itu pekerja yang menghadapi kehilangan keupayaan untuk mencari nafkah yang melebihi 20% boleh memilih untuk menggantikan 1/5 daripada bayaran bulanan supaya menjadi bayaran pukal sementara bakinya dibayar secara bulanan seumur hidup. Pembayaran pukal ini akan dihitung berdasarkan nilai aktuari semasa, faedah hilang upaya kekal yang kena dibayar seumur hidup. Cadangan baru ini akan memberi manfaat kepada pekerja yang boleh menggunakan bayaran pukal ini untuk menyesuaikan diri kepada keadaan kehidupan baru di samping menikmati jaminan keselamatan sosial seumur hidup kerana bayaran bulanan akan terus dibayar kepada mereka. Bayaran bulanan itu juga akan diulangkaji dari masa ke semasa untuk mengekalkan nilai faedah sebenar akibat kenaikan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Skim Bencana Kerja, terdapat juga Skim Pencen Ilat yang memberi perlindungan kepada

keilatan dan kematian daripada apa-apa sebab. Pindaan ini juga mencadangkan pembayaran faedah yang lebih tinggi iaitu daripada pencen minimum 40% kepada 50% bagi tempoh kelayakan penuh. Manakala bagi tempoh kelayakan yang kurang, dinaikkan ke paras yang sama daripada 25%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai faedah bagi orang tanggungan, pembahagian faedah kepada mereka dinaikkan dan sementara beberapa syarat mengenai kebergantungan telah dilonggarkan. Tempoh bayaran kepada anak-anak juga telah dilanjutkan supaya mereka dapat menerima bantuan bagi tempoh yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada program perindustrian yang telah berjalan dengan pesat, pekerja-pekerja dalam sektor perindustrian akan juga diberi perlindungan khususnya yang berpunca daripada penggunaan teknologi baru. Ke arah ini satu jadual penyakit khidmat yang lengkap telah disediakan. Sekiranya ada penyakit yang belum disenaraikan seperti AIDS, jika dia berbangkit daripada pekerjaannya, maka Yang Berhormat Menteri Buruh boleh memasukkan penyakit itu dalam senarai. Faedah-faedah yang mana kadar bayarannya dinaikkan hendaklah dinikmati oleh ramai pekerja. Pada masa ini hanya perusahaan yang mempunyai 5 atau lebih orang pekerja yang menerima gaji \$1,000 atau kurang sebulan adalah diberi perlindungan. Pindaan ini adalah dicadangkan supaya perusahaan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pekerja tanpa mengira gaji mereka juga mendaftarkan pekerja-pekerjanya yang menerima gaji \$1,000 atau kurang sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan pembayaran faedah yang hanya terikat kepada prosedur pentadbiran yang minimum, satu pindaan memberi perlindungan secara automatik kepada pekerja dikemukakan.

Ini akan mengelakkan seorang pekerja itu tersingkir daripada perlindungan disebabkan kegagalan majikannya untuk mendaftarkannya mengikut peruntukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan menjadikan kumpulan wang leblh kukuh bagi menampung skim keselamatan sosial yang komprehensif dalam tahun 1985, PERKESO telah mula mempelbagaikan corak pelaburannya dalam lain-lain sekuriti, selain daripada sekuriti Kerajaan.

Panel Pelaburan telah ditubuhkan di bawah peraturan-peraturan Keselamatan Sosial Pekerja 1985 untuk menasihatkan badan pengelola berhubung dengan pelaburan. Keahlian Panel Pelaburan itu telah dikaji semula dan adalah dicadangkan Panel Pelaburan itu mengandungi seorang wakil pekerja dan juga seorang wakil dari pihak majikan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Peruntukan juga dibuat untuk menetapkan jenis-jenis pelaburan. Saya suka menjelaskan di sini bahawa berhubung dengan pelaburan saham-saham ianya tidak semestinya dihadkan kepada saham-saham aaraanah atau trustee share.

Sehubungan dengan ini, Panel Pelaburan adalah dibenarkan untuk melabur di dalam saham-saham syarikat awam yang difikirkan akan memberi pulangan-pulangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan bahawa sebahagian besar daripada lebih kumpulanwang masih lagi dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin perubahan-perubahan yang dicadangkan itu akan memberi kesan yang baik kepada para pekerja. Namun begitu Kementerian Buruh akan terus mengkaji Skim Keselamatan Sosial Pekerja demi kepentingan dan kesejahteraan pekerja-pekerja dan tanggungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

4.33 ptg.

Tuan Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Keselamatan Sosial Pekerja ini adalah satu masalah yang serius, masalah yang menimpa kepada diri seorang pekerja itu yang mengejut yang tidak diketahui oleh mereka sesiapa sahaja dalam keadaan yang tidak bernasib baik. Keadaan ini adalah melibatkan batang tubuh mereka yang memerlukan kewangan bukan sahaja kepada keluarga tetapi juga kepada diri yang mengenainya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang penting dikemukakan oleh Timbalan Menteri. berkenaan yang menunjukkan Kerajaan kita memang sebenarnya mengambil berat akan hal keadaan pekerja-pekerja kita dalam negara kita ini. Oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini demi kepentingan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketahui, Keselamatan Sosial Pekerja ini yang mana pada satu masa dahulu adalah di bawah Jabatan Kerajaan, tetapi sekarang ini telah menjadi badan berkanun, di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang telah dibuat pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 ini. Kita tahu sebagaimana tujuan asalnya ialah untuk menjaga kepentingan perkerja-pekerja kita yang kurang bernasib baik disebabkan mendapat kemalangan atau penyakit khidmat yakni mereka yang bekerja disebabkan pekerjaan mereka itu mendapat penyakit.

Selain daripada itu, dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat itu, dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat diberikan bantuan kepada mereka ataupun pemulihan kepada mereka di mana yang perlu supaya mereka dapat hidup seperti biasa tanpa membebankan masyarakat. Jadi, mereka mendapat rawatan dan perubatan percuma jika mereka mendapat kemalangan di bawah skim bencana pekerjaan. Dan jika mereka mendapat kemalangan disebabkan pekerjaannya, hilang upayanya sama ada untuk sementara atau kekal, mereka dapat pula faedah di bawah skim hilang upaya.

Selain daripada itu, jika mereka meninggal, akan diberi faedah tanggungannya dan perbelanjaan pengebumiannya. Mereka yang hilang supaya ini juga akan dihantar ke Pusat Pemulihan bagi mendapatkan kemahiran supaya ia boleh bekerja untuk mendapatkan sara hidupnya. Jika pekerja-pekerja kita yang mendapat kemalangan bukan semasa bekerja adalah diberl layak menerima faedah di bawah skim Pencen Ilat, yakni kepada yang tidak boleh bekerja dan jika pekerja-pekerja kita meninggal dunia sebelum umur 55 tahun, maka tanggungannya layak mendapat Pencen Penakat untuk balu mereka selama hidup. Jadi, saya nampak tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menaikkan kadar faedah kepada pekerja-pekerja kita yang terlibat mendapat kemalangan atau tanggungan-tanggungannya sebagaimana penjelasan yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri kita sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumi Akta kita yang ada pada hari ini hanya dipakai kepada majikan yang menggaji pekerja-pekerjanya 5 orang sahaja atau lebih dan mereka yang menerima gaji \$1,000 atau kurang. Inilah sahaja layak didaftarkan sebagai pekerja. Pekerja-pekerja dengan majikan yang pekerja-pekerjanya kurang daripada 5 orang tidak layak di_daftarkan dan dengan ini mereka tidak

layak mendapat apa-apa faedah di bawah Akta yang ada sekarang. Oleh itu terdapat perbezaan keselamatan Sosial di antara pekerja-pekerja dalam negara kita **ini**. Mereka terasa seolah-olah dicicir oleh Kerajaan.

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya beri pandangan dan mengharap -kepada Kerajaan supaya semua majikan yang menggajikan pekerja walaupun majikan yang menggajikan pekerja hanya seorang sahaja pun hendaklah didaftarkan supaya mereka mendapat faedah yang sama. Demikian juga pekerja-pekerja kira yang bergaji lebih daripada \$1,000 ke atas ini pula hendaklah dimasukkan supaya dapat menerima faedah yang sama. Dengan jalan ini barulah Kerajaan kita menjalankan keadilan yang sama dari segi keselamatan sosial. Kerana jika kita bandingkan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang hanya seorang pekerja pun wajib didaftarkan dan mencarum kepada Kerajaan kita untuk faedah diri sendiri.

Yang kedua, berhubung dengan Tabung Kewangan badan ini, sebagaimana yang kita tahu sumber kewangannya dibuat secara gotong royong iaitu semua orang mencarum untuk menjaga kepentingan beberapa orang yang kurang bernasib baik. Misalnya jika gaji seorang pekerja itu \$600 sebulan, majikannya barangkali kena bayar dalam \$9.65 kepada SOCSO dan pekerja membayar \$2.75 dengan potongan gaji, yakni lebih kurang 4.9% daripada gaji mereka dan majikan dalam 13.8%. Jadi, bayaran ini dibuat pada tiap-tiap tahun dan mereka yang membayar di bawah skim bencana (kemalangan) pekerjaan adalah lebih kurang dalam, 60,000 orang setahun, dengan bayaran kira-kira \$2.4 juta setahun. Dan di bawah skim Pencen Ilat pula satu bulan lebih

kurang 1,700 orang dengan bayaran bulan sebanyak \$200,000 sebulan. Jadi, jika didarabkan setahun, mencapai angka \$2 1/2 juta setengah lebih kurang, sedangkan amaun **ini**. mungkin meningkat daripada setahun ke setahun,

Saya fikir untuk menambahkan tabun kewangan badan **ini**, saya mencadangkan supaya badan ini diberi kelonggaran untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang mendatangkan keuntungan sekurang-kurangnya 50% daripada caruman yang diterima tiap-tiap bulan itu untuk dilaburkan - tidak seperti sekarang **ini**, hanya tertentu kepada pinjaman Kerajaan Pusat sahaja seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja kita yang berumur 55 tahun setelah ia bersara patut mendapat pencen daripada badan **ini**. Jadi kita wujudkan satu skim yang diberi nama skim pencen orang-orang tua. Jadi dalam masalah ini bolehlah Menteri yang berkenaan mengkaji, menyasat dan mengadakan satu badan untuk pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sata lagi di bawah skim yang ada sekarang ini iaitu skim faedah cuti sakit di bawah Undang-undang Buruh yang berjalan sekarang yakni di bawah Akta Pekerjaan hanya membenarkan sebanyak 14 hari sahaja kepada seseorang pesakit untuk mendapat gaji penuh. Oleh itu saya mencadangkan skim faedah cuti sakit itu dimasukkan di bawah Akta SOCSO dengan tujuan mendapat faedah tanpa had masa selama mana mereka sakit atau masih berubat dan dengan jalan itu boleh meringankan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih,

Lt. Ko1. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

4.42 ptg.

Tuan G. Rajoo : Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dalam perkara yang tertentu. Saya berpendapat Rang Undang-Undang ini dibentangkan tepat pada waktunya dan pada

suatu masa yang amat memerlukannya. Akta Keselamatan Sosial Pekerja diluluskan dalam Parlimen pada tahun 1969 dan kini telah hampir 18 tahun Akta ini dikuatkuasakan.

Zaman telah pun berubah dan beberapa perubahan telahpun berlaku dengan begitu pesatnya dalam sektor perindustrian negara ini. Kemajuan dalam sektor perindustrian telah memaksa Kerajaan untuk mencari jalan melengkapkan dengan kemaskini Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja di negara ini. Undang-undang yang diluluskan 18 tahun dahulu ini telah menjadi, dengan izin, obsolete dan out of date, walaupun terdapat beberapa aspek dan ciri-ciri yang baik.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa Jadual dan Seksyen dalam Akta ini yang memerlukan pindaan, Kerajaan telah membuat penyelidikan dan kajian yang terperinci dan telah membentangkan suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan ke atas usahanya yang mengup-to-datekan Rang Undang-undang agar menjadi suatu Akta yang lengkap dan kemaskini, Saya juga berpendapat dengan adanya pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial ini, Kementerian dapat mengatasi beberapa masalah dan kelemahan yang telah dihadapi olehnya tempoh hari. Saya yakin dan percaya pindaan kepada Akta ini akan dapat menyelesaikan beberapa kelemahan yang terdapat sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuhnya menyokong Fasal 16 Yang bertujuan meminda Seksyen 26 Akta ini. Pindaan ini dibuat dengan tujuan memakai hal dan keadaan yang sama bagi pembayaran faedah orang tanggungan seperti di bawah undang-undang lain berkenaan dengan pencen dalam sektor awam.

Peraturan ini membenarkan anak-anak lelaki ataupun perempuan, orang yang berinsurans yang lemah dan sebahagian besarnya bergantung kepada pendapatan orang berinsurans layak meadapat faedah orang tanggungan. Saya menyokong penuh pindaan yang dibuat kepada peraturan mengenai pergantungan dengan melonggarkan syarat-syarat dan takrif pergantungan. Peraturan ini membenarkan anak-anak berinsurans yang lemah menikmati faedah apabila berlakunya sesuatu yang tidak diingini kepada penginsurans itu. Ini adalah suatu perkara yang baik dan patut dipuji. Anak-anak yang lemah berinsurans ini akan diberi perlindungan hidup dengan adanya faedah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya khuatir sedikit tentang perkataan "faedah orang tanggungan" hendaklah terus dibayar selagi dia tidak upaya menanggung dirinya sendiri dalam konteks perkataan 'lemah' ataupun, dengan izin, 'inform'. Saya khuatir ayat ini boleh disalah tafsirkan dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan menyalahgunakan proviso itu untuk menuntut faedah SOCSO walaupun mereka berkeupayaan menanggung diri sendiri. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan hendaklah mentakrifkan keadaan tidak upaya menanggung diri itu dengan lebih jelas dan terperinci lagi agar rakyat lebih memahami keadaan dan objektif Akta ini supaya penyelewengan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi aspek pindaan yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan Fasal 17 yang bertujuan meminda Seksyen 27 Akta dengan menjadikannya mandatori bagi faedah orang tanggungan dibayar kepada duda seorang berinsurans yang mati jika dia menemui kehendak-kehendak yang ditetapkan.

Di adalah suatu pindaan yang baik dan dibuat tepat pada waktunya kerana sekeluarga di mana kedua suami, isteri bekerja bergantung kepada pendapatan kedua pihak untuk menyelenggarakan suatu keluarga. Jika seorang isteri meninggal dunia, duda akan mengalami kesusahan mentadbiran dan mengelolakan keluarga dalam urusan harian tanpa pendapatan isterinya itu. Pindaan ini telah memberi peluang kepada suami itu menerima sedikit sebanyak pencen untuk perjalanan urusan harian keluarga itu. Ini jelas membuktikan usaha Kerajaan mewujudkan sebuah negara di mana rakyatnya dapat hidup dengan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain aspek pindaan dibuat kepada Akta ini juga mencerminkan hasrat Kerajaan memberi kemudahan dan keselamatan yang berpatutan kepada pekerja-pekerja sektor swasta. Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh menjamin keselamatan pekerja-pekerja sektor swasta di negara ini dengan mengadakan beberapa undang-undang seperti ini akan tetapi masih terdapat beberapa 'black sheep', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor swasta yang menghancurkan nama baik perjalanan keselamatan sosial pekerja ini.

Akta ini mewajibkan tidak kurang dari 5 orang pekerja dengan gaji bulanan tidak lebih daripada \$1,000 seorang mencarum kepada SOCSO **ini**. Ada terdapat beberapa orang majikan tidak langsung mencarum kepada SOCSO. Mereka berani melanggar undang-undang kerana penguatkuasaan undang-undang tidak begitu ketat. Saya berharap Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas majikan yang enggan mencarum kepada SOCSO.

Kementerian hendaklah memastikan penyelewengan dalam pelaksanaan undang-undang tidak berlaku agar memberi mandat kepada undang-undang ini. Majikan yang enggan mencarum hendaklah dihadapkan ke mahkamah dan diberi hukuman mandatori, denda maksima supaya menjadi penghalang dan suatu pengajaran kepada majikan yang cuba melanggar undang-undang ini.

Tuan. Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang publisiti perjalanan Lembaga Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSO) ini. Pada masa ini tidak ada risalah atau panduan yang dicetak dalam bahasa Tamil ataupun bahasa Cina untuk disebarkan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta di negara ini. Pekerja-pekerja yang menggunakan hanya bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Tamil dan bahasa Cina tidak langsung boleh memahami perjalanan SOCSO ini. Oleh kerana Akta ini adalah penting dan pekerja-pekerja sektor swasta mempunyai kepentingan berterusan saya berharap pindaan Akta ini dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja keseluruhannya hendaklah disebarkan dengan seluas-luasnya. Risalah dan lain-lain bahan penyebaran hendaklah dicetak dalam semua bahasa di negara ini supaya rakyat dapat memahami kandungannya dengan sepenuhnya. Dengan hasrat dan harapan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

4.52 ptg

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedia maklum, inilah ucapan pertama saya dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan Yang Berhormat Presideh MIC ke atas kepercayaan yang diberi kepada saya atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ucapan saya atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987. Akta ini merupakan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pada mulanya diwujudkan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja khususnya untuk memberi ganti rugi kepada pekerja atau keluarga mereka apabila berlaku sesuatu ketnalangan semasa bekerja. Kadar ganti rugi yang diberikan kepada pekerja-pekerja harus juga dilipatgandakan memandangkan keadaan inflasi telah menyukarkan pekerja-pekerja seperti ini. Faedah belanja pengurusan mayat merupakan satu cadangan yang sungguh baik. Ini akan membantu pekerja-pekerja miskin yang selalunya memerlukan derma apabila sesuatu kematian berlaku dengan tidak sengaja.

Pihak SOCSO yang menguruskan hal ini perlu bertindak dengan cepat untuk membayar wang faedah kematian supaya ini boleh benar-benar menolong keluarga miskin si mangsa itu kerana selalunya mereka tidak ada wang simpanan.

Saya bercadang bahawa jumlah bayaran ganti rugi untuk tiap-tiap jenis kemalangan harus di ingkatkan selari dengan perubahan buat masa sekarang,

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan-pindaan ini dan menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya, tetapi mengikut undang-undang yang ada sebelum SOCSO wujud tiap-tiap pekerja yaag cedera atau mengalami kemalangan pekerja itu boleh memilih tempat di mana tuntutan ganti rugi patut dibuat. Pada masa dahulu pekerja boleh ambil kes di mahkamah sivil iaitu di mahkamah biasa atau-di Pejabat Buruh. Tetapi undang-undang yang dikuatkuasakan pada masa sekarang menghalang tindakan melengah-lengahkan tempoh dan tuntutan hanya boleh dibuat di Pejabat SOCSO. Oleh yang demikian saya merayu Kementerian untuk menimbang dan mengkaji balik perkara ini dan beri pilihan seperti dahulu supaya tiap-tiap pekerja boleh ambil kes di mahkamah sivil jika pekerja. anggap tuntutan di mahkamah itu lebih sesuai dan munasabah.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini,

Lt. Kol. (B) Abdul Bamid bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Kuan Peng Soan.

4.57ptg

Tuan Kuan Peng Soon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di~Pertua, Usul perubahan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sekarang ini ialah satu kebaikan dan kemajuan kepada Akta tersebut yang mana telah mengalami beberapa perubahan

semenjak ianya dikuatkuasakan pada tahun 1971. Bukan sahaja Usul-usul Akta sekarang ini menyediakan pentadbiran yang lebih lancar dan efisien tetapi yang pentingnya ianya terus memberi kemudahan lebih seimbang dan melengkapinya pembayaran insurans sosial kepada pekerja-pekerja yang terdedah kepada suasana pekerjaan.

Pindaan Akta ini juga telah menyahut keperluan-keperluan dari segi perlindungan yang lebih luas. Di dalam hal ini pindaan kepada Seksyen 20, dengan izin, "invalidity pension", Seksyen 21 "invalidity grant", Seksyen 30 "constant attendance allowance", Jadual 8 "survival pension" adalah dinaikkan bayarannya. Kenaikan bayaran tersebut adalah besar pentingnya bagi menolohg seseorang pekerja ataupun tanggungan di dalam meringankan beban pendapatan keluarga mereka sekiranya berlaku sesuatu kecacatan atau kematian.

Pindaan Akta tersebut juga meluaskan skop definisi "insured person" di mana ianya termasuk seseorang pekerja di bawah Akta tersebut di mana majikannya tidak mendaftarkannya dan menaikkan had umur definisi "anak" daripada 16 ke 21 tahun. Ini akan membuat pekerja dan tanggungannya merasa lebih terjamin dan pekerja pula tidak akan rasa takut kehilangan kemudahan itu oleh kerana kecuaiannya majikannya.

Keselamatan juga terjamin di bawah Seksyen 28 dalam Jadual Kelima di mana bukan sahaja dari segi, dengan izin, occupational diseases diluaskan untuk memasukkan penyakit-penyakit yang mungkin timbul pada masa menjalankan tugas-tugasnya di dalam proses pengeluaran barangan moden di bawah proses teknologi yang baru. Tetapi kemudahan tuntutan adalah dalam masa 60 bulan dari tarikh ianya berhenti kerja dan bukanlah 12 bulan sebagaimana Akta sekarang ini. Ini adalah diambil kira bahawa setengah-setengah penyakit yang dihadapi di dalam kilang-kilang yang moden sangat susah diketahui dan dikesan, Walaupun cadangan pindaan ini pada keseluruhannya telah meningkatkan skop dan quantum Akta tersebut masih isu-isu yang detail yang belum dibuat pindaan. Contohnya di dalam Seksyen 20B, di mana sebelum seseorang dudah dapat menuntut survival pension, dia mesti membuktikan yang dia bergantung kepada sebahagian besarnya daripada pendapatan isterinya ketika isterinya meninggal. Dia juga mesti membuktikan yang dia tidak berupaya untuk menyara dirinya sendiri selepas kematian isterinya.

Pembatasan ke atas duda ini mesti dihapuskan supaya kes ini mendapat layanan yang sama seperti kes seorang janda. Pada amnya, dalam sesebuah keluarga pekerja yang berpendapatan rendah, kehidupan sekeluarga biasanya bergantung kepada pendapatan kedua-dua suami isteri. Kehidupan sekeluarga dalam kes ini akan terjejas jika salah seorang suami isteri itu meninggal. Dalam konteks masa kini seorang janda adalah besar kemungkinan seorang perempuan yang bekerja dan beliau boleh menerima faedah dari kematian suaminya walaupun beliau mendapat pendapatan yang tinggi. Dengan itu, tidak ada sebab mengapa keadaan yang sama tidak dilanjutkan kepada seorang suami apabila isterinya meninggal. Walau bagaimanapun, dia juga akan kehilangan

faedah ini jika dia kahwin semula. Juga tidak ada usul untuk mengurangkan tempoh kelayakan, dengan izin, qualifying period selama 36 bulan sumbangan sebelum bayaran boleh dibuat kepada Invalidity pension dan survival pension.

Masa 36 bulan tersebut bolehlah dianggap perlu semasa undang-undang ini baru dibuat oleh kerana pada masa tersebut kewangan belum stabil lagi, tetapi sekarang ianya mempunyai kewangan yang berlebihan yang mana ianya boleh digunakan untuk memberi kemudahan kepada seorang pekerja ataupun tanggungannya dengan mengurangkan tempoh kelayakan tersebut. Demi kekurangan-kekurangan **ini**, pindaan-pindaan yang dicadangkan boleh merupakan satu langkah yang baik di bawah keadaan yang wujud sekarang demi menentukan kebajikan pekerja dan tanggungannya dijaga dengan baik, sekiranya si pekerja ditimpa kecacatan ataupun kematian.

Dengan kata-kata di atas, saya menyokong cadangan pindaan Akta ini diluluskan.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid Ibrahim: Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

5.05ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberikan saya peluang untuk memberi beberapa pandangan bagi menyokong penuh kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Sesungguhnya dengan pindaan ini saya rasa beribu-ribu pekerja di negara kita akan merasa lega, bersukacita dan mereka yang sebelum ini mengeluh, merintih dan mendoakan beberapa perubahan-perubahan yang membawa kebaikan kepada keselamatan sosial mereka akan berterima kasih kepada Kerajaan dan akan dapat faedah daripada pelaksanaan undang-undang yang diluluskan ini, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini sesungguhnya amatlah menarik perhatian dan sesungguhnya telah diperjuangkan lama oleh wanita-wanita kita. Dengan pindaan ini akan sampailah hajat-hajat pekerja-pekerja wanita yang selama ini juga banyak mengemukakan rayuan, rintihan, kerana dalam banyak hal pekerja-pekerja wanitalah yang selalunya banyak menerima tekanan dan bebanan daripada beberapa penaaungan yang tidak begitu stabil dan dari undang-undang lama yang banyak kelemahannya, sepertimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Umpamanya, daripada segi pembahagian pencen sebagai seorang isteri dari seorang pekerja, anak kepada seorang pekerja, pencen ilat dan juga mengenai pencen ataupun wang-wang pemberian kepada hilang keupayaan kekal, hilang keupayaan sementara dan parah dan juga lain-lain kemalangan ringan semasa mereka bekerja. Kita dapati di sini yang dulunya kita sangat perjuangkan ialah mengenai nasib pekerja-pekerja di swasta-swasta ataupun di kilang-kilang bahan-bahan kimia yang berbahaya kerana dulu terdapat: selain daripada mereka ini tidak ada apa-apa bahan alat untuk pelapis kepada pencemaran bahan kimia **ini**, telahpun dirangkumi dalam undang-undang **ini**, Umpamanya, kita boleh lihat mengenai perkara perihal penyakit atau bencana khidmat yang di dalamnya memasuki semua jenis pekerjaan-pekerjaan yang didedahkan kepada para pekerja di kilang-kilang berkenaan. Umpamanya sekatan padi, arang batu, kemudian kepada penyakit-penyakit disebabkan oleh aluminium dan lain-lain lagi. Ini satu pembaharuan dan satu perlindungan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang sebelum ini mungkin tidak begitu dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya undang-undang ini patut sudah lama kita pinda, maka pada hari ini sampailah sudah hajat perkara

yang berkenaan. Sebab **itu**, Dewan ini rasa saya kesemua anggota Dewan menyokongnya dengan sepenuh **hati**. Hanya sentuhan sedikit daripada perkara-perkara kebajikan kepada pekerja-pekerja. Selain daripada mengenai hal keselamatan sosial ini, hal kebajikan pekerja juga rasanya mungkin dapat dikaitkan dan dilindungi oleh undang-undang ini.

Umpamanya, ada pihak-pihak swasta yang banyak memberi beberapa peraturan-peraturan kepada petugas-petugas atau pekerja-pekerja yang berkaitan dengan kebudayaan dan juga agama. Umpamanya, ada 2-3 buah swasta yang dalam negara kita ini yang terlalu menyekat kepada pekerja-pekerja wanitanya yang kalau mereka itu datang bekerja memakai pakaian Islam yang sebenarnya, umpamanya, dengan memakai pakaian yang berhijab atau bertutup aurat dengan sepenuhnya. Saya telah ditemui oleh beberapa kumpulan yang merasa dukacita sangat atas tekanan majikan mereka kerana mereka memakai pakaian yang berhijab, maksudnya pakaian yang bertudung kepala seperti mini telekong, memakai pakaian baju yang tidak tight, tidak moden sangat, dan mereka ini didesak supaya menggunakan uniform di tempat pekerjaan dan membuang kain tudungnya.

Walaupun tekanan irii secara halus tetapi. saya rasa ini juga merupakan satu tekanan kepada hak kebebasan beragama dan hak kebebasan kepada pakaian pekerja-pekerja. Kita faham bahawa wanita Islam yang ingin memakai pakaian Islam sepenuhnya patutlah diberi hak mereka. Walaupun ada uniform di tempat berkenaan tetapi ini tidak menghalang, uniform boleh dipakai di sebelah luar.

Selain daripada itu ada juga tekanan-tekanan halus kepada mereka yang berkenaan. Umpamanya, mereka sengaja dicarikan salahnya, mereka ditekan supaya tidak boleh menghadiri kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh persatuan kebajikan yang mereka tubuhkan atau mereka dilarang daripada menunaikan fardu Jumaat dengan waktu-waktu yang tertentu dan juga -lain-lain tekanan. Oleh kerana negara kita ini agama Islam adalah agama rasmi, maka kita minta pihak Kerajaan dan saya tidak tahu, mungkin ada di mana-mana di dalam Rang Undang-undang ini kerana ia terlalu tebal liputannya, perkara-perkara ini juga diberikan perhatian iaitu merupakan hak asasi manusia berkenaan dari segi agama masing-masing kerana negara kita membenarkan rakyatnya menganut apa sahaja agama yang dikehendakinya dan yang disukai-nya, tiada paksaan. Islam sendiri juga dalam menerapkan Islam mengatakan tiada paksaan dalam beragama. Cuma kita minta supaya hak mereka itu diberikan ketentuan dan mereka tidak ditindih atau ditekan semata-mata kerana mereka ingin mengamalkan pakaian menutup aurat mengikut agama Islam.

Kita tidak juga nafikan kalau memakai purdah mungkin ini menjadi halangan pada masa mereka bertugas. Bukan kerana pihak majikan tidak benarkan pakai purdah, tetapi dikhuatiri mengganggu tugas-tugas waktu bekerja. Tetapi rayuan yang dikemukakan ini bukan

memakai purdah tetapi memakai pakaian selengkapnya secara Islam. Jadi mereka diminta supaya membuang tudungnya, pakai uniform di sana yang merupakan sebagai baju yang pendek, baju yang baggy ataupun baju yang tight overcoat umpamanya. Jadi ini harap mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji selidik sama ada benar atau tidak bantahan-bantahan yang telah dikemukakan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati juga di sini mengenai pencen-pencen yang diberikan kepada duda-duda di mana kalau isteri itu masih tidak berkahwin, dia boleh mendapat terus menerus pencen suaminya dan kalau ianya berkahwin, ini berpindah kepada anaknya. Ertinya hak-hak itu tidak lari ke mana, cuma nasihatnya kalau wanita-wanita itu hendakkan pencennya penuh, mahu memelihara anak dengau baik, maka janganlah mengurat ataupun cari boyfriend yang lain setelah suami meninggal. Tetapi kalau ianya masih muda, kehendak nature, tentulah kita tidak dapat menyekatnya. Jadi ertinya kalau mereka yang ditinggalkan oleh suami itu masih muda remaja, yang memerlukan teman sebagai naturenya atau kehendak alam semula jadi, maka pencen ini turun kepada anaknya. Tidak seperti dahulu lanya dikecilkan dan anaknya dapat sebahagian sahaja darinya. Ini juga merupakan satu perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang ringkas ini sekali lagi saya menyokong penuh kepada pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Saya silakan Yang Berhormat untuk menjawab.

5.14 ptg.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Buruh ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) dengan memberi pandangan-pandangan mereka, teguran-teguran mereka dan cadangan-cadangan yang sangat bernas dan berguna.

Kementerian Buruh tidak bercadang menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan, tetapi akan memberi jawapan secara am dengan menyentuh sedikit sebanyak semua perkara yang ditimbulkan. Kementerian Buruh akan juga menjawab beberapa perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara lain yang tidak disentuh pasti akan diberi jawapan secara teliti tetapi dalam soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Haron tadi mengenai pekerja menerima gaji lebih dan memberi cadangan supaya pekerja juga diberi perlindungan, sukalah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat, Skim Keselamatan Sosial telah mula dilaksanakan untuk memberi pampasan kepada pekerja dan golongan yang berpendapatan rendah yang mereka itu terdedah (exposed) kepada risiko kemalangan mulai daripada 1hb Januari, 1985 dan had gaji maksima yang dahulu telah ditetapkan daripada \$500 tetapi dinaikkan kepada \$1,000 pada masa ini, dan kepada pekerja yang tidak dapat perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial sebab bilangan pekerja kurang daripada yang telah ditetapkan untuk mendapat pampasan, ini dijamin oleh Akta Pampasan Pekerja, 1951. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk meliputi perusahaan kurang daripada 5 orang pekerja.

Cadangan Yang Berhormat mengenai dengan mengadakan skim lanjut usia di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, buat masa ini perlindungan untuk masa tua, Kerajaan telahpun mengadakan KWSP dan perlindungan adalah juga disediakan di bawah Akta Pekerjaan, oleh itu setidak-tidaknya perlindungan memang ada disediakan dalam kedua-dua keadaan ini,

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo, Fasal 1.6 mengenai penakatan, suka saya menjelaskan bahawa bagi 'anak', dalam Akta sebenarnya menyebut lemah tetapi terencat mentalnya ataupun secara fizikal. Perkataan lemah ini digunakan dengan Huraian dalam Explanatory, anak yang terencat itu juga akan dibayar faedah, tidak kira umurnya.

Menjawab mengenai soalan Yang Berhorraat Tuan Sangaralingam mengenai membenarkan tuntutan pampasan daripada mahkamah, saya rasa Kementerian Buruh juga telah meneliti kesan pindaan ini dan segala pindaan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kerana pentadbiran berhubung dengan bayaran faedah dan membolehkan lebih ramai pekerja dan tanggungan tnenikmati faedah dengan kadar pembayaran yang lebih cepat, kalau di mahkamah mungkin mengambil masa yang begitu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Kuan Peng Soon telah memberi cadangan mengenai tanggungan mesti membuktikan bergantung sebenarnya dihapuskan bagi duda, pada masa ini bayaran hanya boleh dibuat kepada duda jika lemah dan bergantung untuk nafkah kepada isterinya. Di bawah cadangan sekarang syarat-syarat adalah dilonggarkan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat penggantungan ini juga terdapat dalam undang-undang yang lain yang difikirkan dan perlu dikekalkan.

Mengenai dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Kuan Peng Soon mengenai caruman bagi tempoh kelayakan bagi pencen ilat dan pencen penakatan, cadangan ini memerlukan satu kajian yang teliti dan Kementerian Buruh akan mempertimbangkan perkara ini.

Persoalan mengenai insurans sosial telah disentuh. Konsep insurans sosial adalah berdasarkan kepada kumpulan sumber dan perkongsian risiko, maka tanggungjawab untuk menanggungkan kerugian disebabkan kemalangan sepatutnya didokong bersama dan tidak seharusnya dibebankan kepada majikan sahaja. Di dalam melaksanakan konsep ini adalah wajar bahawa dengan pelaksanaan skim Keselamatan Sosial Pekerja parapekerja tidak dibenarkan buat tuntutan.

Mengenai dengan soalan memperluaskan Skim Keselamatan memberi faedah rawatan, suka saya menjelaskan satu kajian telahpun dijalankan dengan bantuan daripada Asian Development Bank mengenai kemungkinan mewujudkan Tabung Keselamatan dan Kesihatan Negara untuk membiayai kos rawatan. Laporan yang dibuat oleh pakar-pakar telahpun ditimbang dan Kerajaan berpendapat bahawa kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan untuk memulihkan pekerja-pekerja yang cacat, buat masa ini pekerja-pekerja yang menghadapi hilang keupayaan kekal atau keilangan adalah diberikan kemudahan-kemudahan bagi pemulihan jasmani dan pemulihan vokesyenal. Perkhidmatan pemulihan ini disediakan dengan kerjasama hospital-hospital Kerajaan, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan pertubuhan pemulihan yang bukan Kerajaan. Pekerja-pekerja yang cacat juga telah diberikan bekalan alat prosthetics dan alat bantuan yang lain. Kerajaan telahpun bersetuju dengan penubuhan sebuah pusat pemulihan negara dan kemudahan-kemudahan pusat ini juga akan didapati oleh pemulihan-pemulihan pekerja yang memerlukan perkhidmatan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan pindaan Rang Undang-undang dan mana-mana perkara yang tidak saya sentuh di sini pasti akan diberi perhatian yang sewajarnya, akan diberi kajian sepatutnya dan mana-mana cadangan yang sesuai akan dipertimbangkan dalam pindaan yang akan datang.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan 1972 adalah satu Akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang melarang penggunaan perbahasan-perbahasan atau penunjukan-penunjukan palsu atau mengelirukan mengenai perihal dan harga barangan dalam menjalankan perdagangan atau perniagaan.

Akta ini telah dikuatkuasakan di seluruh negara semenjak, tahun 1972 lagi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan objektif untuk memberi perlindungan pengguna dan mewujudkan amalan perdagangan yang sihat di dalam negara. Melalui penguatkuasaan Akta ini, Kerajaan telah berupaya mengambil tindakan-tindakan yang berkesan untuk mencegah amalan-amalan salah perihal kepada barangan dan penggunaan penunjukan-penunjukan palsu atau mengelirukan

mengenai harga. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang di bawah Akta ini tidak mencukupi untuk perlindungan pengguna daripada penyelewengan-penyelewengan yang terbit daripada:

Yang pertama, salah penggunaan perbahasaan jual murah atau perbahasaan atau penunjukan lain seumpamanya. Dan yang kedua, salah penggunaan perbahasaan penunjukan atau pernyataan mengenai kadar bayaran (charge) bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang ditawarkan dalam perdagangan dan perniagaan.

Undang-undang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 supaya kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasaan "Jualan Murah" dan perbahasaan atau penunjukan lain seumpamanya telah digunakan oleh peniaga dengan sewenang-wenangnya, terutama apabila menjelang musim-musim perayaan sehingga wujud keadaan di mana terdapat peniaga-peniaga yang menggunakan perbahasaan atau penunjukan demikian sepanjang tahun dalam menjalankan peniagaan mereka. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedar akan perkara ini. Keadaan ini berlaku kerana terdapat beberapa kelemahan di dalam Akta Perihal Dagangan 1972 yang dikuatkuasakan dan para peniaga yang tidak bertanggungjawab telah menggunakan kelemahan-kelemahan ini untuk kepentingan mereka. Menyedari hakikat ini peruntukan-peruntukan yang membolehkan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini dikawalselia akan diwujudkan melalui pindaan kepada Akta Perihal Dagangan 1972 sepertimana yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam industri perlancongan pula terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab membuat pernyataan palsu atau mengelirukan mengenai kadar bayaran (charge) bagi satu-satu perkhidmatan kemudahan atau tempat tinggal.

Kerajaan memandang serius terhadap amalan ini, kerana ianya adalah satu bentuk penyelewengan dalam perdagangan yang boleh melumpuhkan industri pelancongan dan menjatuhkan imej negara kita. Pindaan kepada Akta Perihal Dagangan 1972 ini juga adalah dicadangkan dengan tujuan untuk membolehkan Kerajaan mencegah amalan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, huraian ringkas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 ini adalah seperti mana yang dinyatakan di muka 5 Rang Undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Meteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Puan Aion.

5.32 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 ini.

Lagi sekali saya suka menyatakan hasrat wanita mengenai Akta ini, sesungguhnya penipuan, penyelewengan dan juga pemerasan secara halus telah berlaku berleluasa bertahun-tahun lamanya dan negara kita ini dengan adanya perbhasaan, petunjuk yang palsu dan yang menjadi mangsa kepada spekulasi ataupun kepada kejadian-kejadian tipu muslihat halus ini, kebanyakannya, hampir 65%, ialah di kalangan wanita, sama ada mereka itu suri-suri rumahtangga atau wanita-wanita biasa.

Terdapat di negara kita ini terutamanya di bandar-bandar besar samalah seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, yang nampaknya telah mengkaji secara detail dan mendalam mengenai masalah penyelewengan secara halus yang membebankan rakyat di negara kita **ini**, iaitu apabila sampai sahaja musim perayaan. Kebetulan negara kita ini terlalu banyak hari perayaan menunjukkan keharmonian rakyat yang ada di negara kita, umpamanya seperti Hari Raya Kristmas (Hari Natal), Hari Thaipusam, Hari Tahun Baru CLna (Kong Xi Faa Choy), Hari Raya-Hari Raya lain seperti Hari Wesak dan sebagainya. Mereka yang berniaga menggunakan putar-belit halus **ini**, mereka selalunya mengambil kesempatan di ketika ini, lebih-lebih lagi kalau ada pula hari-hari perayaan tertentu untuk negara, umpamanya, Hari Kebangsaan, Hari Pahlawan, Hari Wanita dan hari-hari lain lagi, mereka menyedut keuntungan yang berlebih-lebihan dengan menggunakan psaiologi tarikan mengenai harga murah, sama ada harga murah itu dibuat dengan petunjuk dan iklan yang cantik-cantik dan menarik atau dengan cara tipu muslihat halus yang tidak dapat dikesan oleh pembeli-pembeli atau pengguna,

Umpamanya saya beri contoh - jualan murah, jualan tahunan, jualan penghabisan jualan sempena 25 tahun, jualan sempena Jublee Perak, Jublee Intan, Jublee bola dan berbagai-bagai lagi, maka dibuatlah harga itu. Sebenarnya barang itu tidak murah, sebelum ada petunjuk-petunjuk ini harga itu katalah sehelai T-shirt harganya \$16, maka bila dia kata jual murah, mereka akan diletakkan petunjuk baru harga lama \$17.50, harga sekarang \$16.50, naik 50c lagi, bukannya \$16.00 harga asal. Dengan tarikan-tarikan, dendangan-dendangan muzik dan juga iklan-iklan yang menarik, berpusu-pusulah pengguna-pengguna pergi ke situ tanpa meneliti lalu membeli, bila dia nampak

orang itu beli, dia pula fikir ini betul-betul murah, mesti kita beli, cepat nanti habis. Kemudian ada lagi satu tipuan jualan penghabisan 7 hari sahaja, berebut-rebutlah orang datang kerana takut ketinggalan yang 7 hari **ini**. Jadi mereka ini akan membuat announcement ataupun membuat penerangan, hebohan di seluruh tempat-tempat tinggal rakyat ataupun masyarakat tempatan, di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan di mana sahaja taktik ini digunakan dengan sangat laris dan sangat berjalan baik hingga bertahun-tahun lamanya. Syukurlah dengan berkat komen-komen, bantahan-bantahan kebanyakannya datang daripada wanita, badan-badan pertubuhan dan badan politik, Kerajaan telah sedar dan juga hari ini kita berdepan dengan masalah yang akan selesai sebentar lagi dan tidak lagi menjadi masalah kepada pengguna dan pembeli-pembeli di negara kita.

Kita boleh lihat umpamanya di waktu sidang PATA berbagai-bagai penipuan berlaku dengan cara kelemahan undang-undang kita **ini**. Pada raasa itu negara kita dibanjiri oleh pendatang-pendatang pelancongan dari luar negeri, begitu ramai dan mereka ini tertarik kerana "Kenalilah Malaysia; Cintailah Malaysia". Mereka merasakan negara kita sepintas lalu seperti syurga, banyak barang-barang yang cantik-cantik, banyak barang-barang yang tersusun rapi dan daya tarikan yang menarik dan murah. Perkataan 'murah' inilah yang menjadi tarikan yang begitu kuat kepada pembeli~pembeli, tetapi setelah mereka meninjau dengan **teliti**, setelah mereka membeli, maka barulah mereka tahu rupanya itu satu penipuan dari segi psaikeologi tarikan, daya tarikan kepada keindahan yang disebut petunjuk-petunjuk palsu tadi **itu**. Mereka membandingkan kalau di negeri mereka benda itu harganya lebih kurang dalam US25 cent sahaja, tetapi di sini terpaksa dibeli dengan harga \$40-\$50. Ini juga pernah berlaku. Tidak dinafikan ada juga barang-barang ataupun dagangan-dagangan

negeri kita lebih murah daripada negara lain, tetapi apa yang kita kesalkan ialah penipuan atau penyelewengan secara halus ini menyebabkan banyak pengguna-pengguna tertipu dan terpedaya.

Seperkara lagi mengenai dengan pelancongan iaitu mengenai 'package tour' yang banyak di negara kita. Sesungguhnya apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi itu terbukti nyata, banyaklah para pelancong yang dari Malaysia hendak pergi ke luar negeri pun kena atau yang hendak datang ke Malaysia pun kena. Oleh kerana saya berani berkata dahulunya aduan-aduan dibuat, kita tidak begitu ambil berat kerana kita rasa dia hendak melancong eloknyanya telitilah dahulu, kalau sudah hendak melancong sangat itu kena apa tidak teliti? Betul tidaknya syarikat pelancongan ini boleh memberikan janji-janjinya bayaran sekian-sekian, hotel '5 Star', makan **itu**, makan **ini**, semuanya cantik, kenderaan baik, tiba-tiba mereka pergi. naik bas buruk, gedegok-gedegok,gedegok-gedegok dan duduk di asrama-asrama dan bila balik mereka tidak tahu ke mana hendak ditunjukkan bantahan-bantahan mereka. Tetapi saya sendiri pernah terkena, waktu saya pergi melawat seluruh Europe, lebih kurang dalam 3-4 bulan yang lalu, saya telah pergi menempah rombongan daripada sebuah syarikat pelancongan yang termasyhur.

Saya tidak hendak sebut nama syarikat itu kerana saya telah membuat bantahan melalui lawyer iaitu pergi melawat seluruh Europe. Kita telah membayar bayaran yang termasuk kenderaan first class, kapalterbang dan juga hotel-hotel '5 Star', tetapi apa yang berlaku setelah kita sampai di pengkalannya di London kita telah dibawa menaiki bas dan menaiki kapal. Masa yang dijanjikan, tempat-tempat yang dijadualkan kita hanya lalu sahaja, tidak singgah kerana kita

naik bas dan tempat-tempat yang disebutkan di dalam jadual lawatan itu sebenarnya tidak wujud, banyak yang tidak wujud.

Kemudian tempat-tempat sejarah yang perlu dilawati walaupun disebut di dalam itinerarynya apabila sampai di situ kita kena membuat bayaran lain, katalah kita hendak melawat apabila kita sampai di Paris, bila kita hendak melawat sebuah istana yang bersejarah di Paris "Rezablet" kalau tidak silap namanya, maka kita dikenakan membayar US\$100, hendak pergi pula ke gendola kena bayar lagi US\$40, hendak tengok River Thames kita kena bayar lagi dalam lebih kurang £30 - £40. Maka ternyata wang yang kita bayar di peringkat permulaan itu wang yang berjumlah ribu-ribu ringgit sekadar untuk bas dan sekadar untuk tempat tinggal hotel 3rd class, hotel kecil, hotel yang jauh daripada tempat-tempat manusia dan yang amat menyeramkan dan menakutkan keadaannya. Jadi, ini. satu pengalaman yang saya tempuhi sendiri, selepas itu kami membuat bantahan kepada pihak TDC dan kita ambil lawyer untuk membawa perkara ini.

Tujuannya bukan hendak megah-megah, tetapi ini satu penipuan. Ada rakyat kita yang ada duit ingin hendak melancong keluar negeri ikut syarikat pelancongan yang terkenal, yang bagus **ini**, tetapi rupanya itulah yang kita akan terima. Ini juga berlaku rombongan ke negara-negara jiran, Thailand umpamanya, Indonesia, Sri Lanka dan juga negara-negara yang paling hampir, ke Singapura pun ada berlaku juga penipuan, dikatakan bayar sekian naik **bas**, tidur makan sama sekali, tetapi rupanya naik **bas**, tidur dalam **bas**, makan sendirian berhad", duit telah dibayar. Jadi inilah perkara-perkara yang telah timbul.

Dengan Akta ini kita harap setelah Akta ini lulus, dilaksanakan dengan sesungguhnya kerana kalau ada Akta tetapi tidak diambil tindakan, tidak dilaksanakan, jawabnya seperti kata pepatah: 2x5 pun 10, 5x2 pun 10, 5+5 pun, jawabnya 10.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan beberapa hujah ini menyokong penuh atas pindaan Akta Perihal Dagangan ini dan selepas ini kita harap apabila ada hari-hari perayaan tidaklah lagi kita akan menengok gedung tempat membeli-belah ini. dihiasi. begitu cantik, begitu mewah, begitu meriah sampai berjuta-juta ringgit barangkali perbelanjaannya untuk membuat gambar-gambaran, hiasan-hiasan yang begitu cantik dan indah yang senang dipandang mata, tetapi kosnya dikenakan kepada pengguna-pengguna melalui petunjuk-petunjuk palsu.

Pada satu ketika saya menerima lawatan dari 3, 4 orang sahabat daripada negara luar, daripada Itali, dia jadi hairan waktu itu kita hendak menyambut hari Natal. Dia kata, kenapakah begitu punya hebat persediaan di pusat membeli-belah ini dengan hari Krismas sedangkan

negara ini negara Islam, agama Islam sebagai agama rasminya. Apakah kalau kita menyambut hari raya Islam begini juga hebat hiasannya? Saya kata, "Dukacita kerana you datang ini musim hari Krismas. Kalau you datang menyambut hari raya Islam, begini jugalah hebatnya hiasannya". Kata dia, "Kalau begitu kedai ini adalah tukang tipu dan 'mereka ini hipokerit kerana bila Islam panggil orang Islam, bila Kristian panggil orang Kristian, bila hari Wesak panggil orang Buddhist, semata-mata kerana hendak menjojot keuntungan". Mereka sendiri pun nampak perkara ini sebagai satu penipuan halus walaupun pada sepintas lalu ianya menambahkan keharmonian, perpaduan, keindahan dan juga, kesenangan serta rasa, nyaman mata memandang bagi penduduk-penduduk setempat. Rasanya ini juga perlu, bukanlah kita hendak bantah tetapi kita kawal supaya tidak nanti gambar-gambaran yang tidak sihat timbul daripada keghairahan mereka menyedut keuntungan menggunakan iklan-iklan daya tarikan hari-hari kebesaran ataupun kebudayaan yang ada di negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, haraplah setelah Akta ini" diluluskan, dilaksanakan, diadakan pula satu barisan khas. Kementerian yang berkenaan mungkin boleh mengadakan satu barisan penguatkuasa sama ada menggunakan penguatkuasa dalam bandar yang berkenaan, umpamanya Kuala Lumpur kita ada penguatkuasa kita sendiri untuk mengintip, menengok, meneliti segala penyelewengan ini sekiranya di lakukan lagi. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini tidak akan reda kalau tidak ada sesuatu tindakan nekad, contoh tauladan diambil-kepada mereka yane berani melanggarnya. Kalau kita tak tunjuk bahawa Akta ini berfungsi, Akta ini berguna, Akta ini

berkuasa, maka kita percaya penyelewengan begini terus berlaku dan hanya Akta ini akan jadi seperti menjirus air di daun keladi. Ertinya, tidak meninggalkan kesan yang baik.

Kami, masyarakat saya rasa akan bekerjasama bila sahaja Akta ini diluluskan. Media Kerajaan, media cetak, media elektronik sila ambil perhatian sama supaya mengembangkan, memberitahu rakyat membimbing masyarakat. kepada perlunya Akta ini dikuatkuasakan dan hak-hak mereka, kalau mereka masih ditipu lagi, masih digunakan lagi atau dieksploitasikan lagi.

Dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 ini.

Lt. Kol. (B) Abdul Ramid bin Ibrahim: Silakan Yang Berhormat.

5.45ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mohon izin supaya mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya suka menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangah 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang telah membawa pindaan kepada Akta Perihal Dagangan 1972.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kadangkala apabila kita tengok setengah-setengah pekedai-pekedai mengadakan jualan murah sehingga sepanjang tahun dan sehingga kadangkala kita tidak percaya jualan murah itu sama ada benar atau tidak. Maka dengan pindaan Akta ini adalah tepat supaya kepentingan pengguna-pengguna dapat dijamin dan juga saya suka meminta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil perhatian bahawa kadangkala pekedai-pekedai mengadakan

jualan murah, tetapi barang-barang yang dijual itu adalah barang-barang yang stok lama dan kadangkala adalah barang-barang tiruan. Adalah penting apabila kita menguatkuasakan pindaan Akta ini untuk memberi kuasa penuh kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan dari Kementerian berkenaan menjalankan tugas mendakwa pekedai-pekedai, peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kedai-kedai yang membuat jualan murah ataupun yang bertujuan hendak menipu pembeli-pembeli ataupun pengguna-pengguna, saya suka juga mengambil kesempatan pada petang ini meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengambil perhatian bahawa ada setengah-setengah wakil penjual yang pergi dari rumah ke rumah untuk menjual barang-barang, khususnya barang-barang ataupun alat-alat memasak yang digunakan oleh suri rumahtangga. Kita pun telah banyak dengar aduan daripada setengah pengguna-pengguna ada setengah-setengah wakil penjual yang menjualkan alat-alat memasak ataupun periuk dengan harga yang mahal dan membekalkan alat-alat memasak tiruan selain daripada alat yang original. Walaupun kita telah mengemukakan masalah ini kepada Kementerian berkenaan, tindakan belum diambil di setengah-setengah kes itu.

Satu lagi perkara yang saya suka minta perhatian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, kita pun pernah dengar aduan daripada suri-suri rumahtangga bahawa ada setengah-setengah wakil penjual yang pergi dari rumah ke rumah dan kemudian memaksa suri-suri rumahtangga membeli setengah-setengah barangnya ataupun alat-alat memasak. Kadangkala ada setengah-setengah wakil penjual menggunakan 'name tags' dan apabila sampai ke rumah nanti, mereka menukarkan hos ataupun tali paip gas di mana mereka ini

datang minta suri rumahtangga ini membelinya dengan secara paksa. Maka saya berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan dapat mengambil perhatian supaya pegawai-pegawai penguatkuasaan akan sentiasa bertindak terhadap wakil-wakil penjual yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelancongan saya rasa di sini saya suka minta perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa Kerajaan kita sedang berusaha mengadakan industri pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Apablla Akta ini dipinda, bukan sahaja saya harap Akta ini akan dapat menjaga kepentingan peiancong-pelancong tempatan, tetapi juga pelancong-pelancong daripada negara-negara asing.

Apa yang saya suka menimbulkan pada petang ini iaitu ada setengah-setengah tempat makan ataupun restoran tempatan dan patut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menghantar pegawai-pegawai penguatkuasaan mengawal harga-harga yang mereka caj kepada pelancong-pelancong yang datang melawat. Saya berpendapat ada setengah-setengah pekedai di negara kita ini bersikap bahawa mereka apabila nampak pelancong-pelancong datang daripada negara asing dan bila pelancong-pelancong ini makan di kedai ataupun di restoran, maka restoran yang berkenaan akan mengecaj dengan harga yang begitu mahal sehingga pelancong-pelacong ini datang melancong sekali dan melawat negeri kita balik dengan satu imej ataupun maruah yang kurang baik terhadap negara kita.

Saya timbulkan perkara ini kerana ada setengah-setengah kawan saya yang datang daripada seberang laut, apabila mereka melancong ke Malaysia, contohnya baru-baru ini ada kawan saya yang pergi ke Portuguese Square di Negeri Melaka dan makanan yang mereka makan dan bayaran yang dikenakan adalah dua tiga kali ganda daripada harga yang mereka tahu. Maka adalah penting untuk Pegawai-pegawai Penguatkuasa daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya memastikan pekedai-pekedai atau restoran-restoran menyediakan menu, dan tetapkan harga jualan supaya restoran-restoran ataupun pekedai-pekedai ini tidak akan overcharge, dengan izin, kepada pelancong-pelancong yang datang melancong ke negara kita.

Yang kedua, saya suka menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana saya pernah mendapat aduan daripada seorang pelancong apabila beliau balik, kemudian dia membuat satu aduan kepada sebuah akhbar tempatan bahawa pelancong negara asing ini, dia dapat daripada satu iklan di akhbar, didapati bahawa, "Datang melancong ke Malaysia, ke Melaka, ada tempat penginapan yang murah", dan apabila pelancong ini tiba di Melaka, dia pun telah dibawa oleh seorang pemandu yang telah menunggunya di perhentian teksi dan pelancong ini dibawa ke sebuah rumah yang mana rumah itu adalah sebuah rumah yang mana disifatkan sebagai tempat penginapan yang haram, satu rumah kediaman yang telah diubahsuai sebagai tempat tidur dan tempat penginapan untuk pelancong asing. Saya sendiri telah pergi menyiasat dan saya dapati bahawa di dalam rumah kediaman itu, di dalam bilik ada katil dua tingkat dan pelancong asing yang datang ini cuma dikenakan bayaran \$5 semalam. Saya juga difahamkan,

walaupun saya tiada bukti, bahawa setengah-setengah pelancong yang datang ini adalah pelancong-pelancong yang mengadakan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat seperti menagih dadah dan juga kami dimaklumkan dengan cara yang tidak ramai, setengah-setengah pelancong asing wanita menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat di negara kita, seperti pelacuran.

Walaupun saya tiada bukti, tetapi saya suka mengemukakan masalah ini demi kepentingan imej dan marwah negara kita kerana kita sedang berusaha menggiatkan industri pelancongan, maka kita semua tidak mahu di mana pelancong-pelancong asing apabila melancong ke Malaysia dan balik ke negara masing-masing dengan membawa satu imej dan maruah di mana Malaysia ini satu tempat di mana mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengambil tindakan yang serius supaya memastikan tempat-tempat penginapan ataupun motel-motel yang haram yang akan menjejaskan maruah Malaysia kita ini dengan serius dan bertindak dan juga saya minta kalau boleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bekerjasama dengan penguasa-penguasa tempatan supaya menutup semua tempat-tempat penginapan yang haram yang saya sebut tadi.

Sekali lagi saya menyokong pindaan Akta Perihal Dagangan 1972.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Silakan Puan Law Jack Yoon.

5.04 ptg.

Puan Low Jack Yoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972. Masa sudah tiba di mana Akta Perihal Dagangan ini perlu dipinda demi melindungi pengguna-pengguna kita. Pengguna-pengguna sering menjadi mangsa kepada iklan-iklan dan penunjuk-penunjuk palsu tentang harga barang-barang. Mereka sering

terpikat dengan iklan jualan murah dan tawaran istimewa dan bermacam-macam lagi daya tarikan kepada para pengguna-pengguna. Cara begini, pengguna berasa beruntung apabila berbelanja. Dengan itu terdapat ramai orang akan berpusu-pusu membeli barang-barang tersebut, tanpa memikirkan adakah barang itu elok atau tidak bernilai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1972, namun demikian, saya berharap dalam meimplementasikan Akta (Pindaan) ini, pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakannya dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan. Di harapkan juga mereka tidak menyalahgunakan kuasa dan kewibawaan mereka. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom

5.58 ptg.

Tuan, Haji Shaharom bln Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama di dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengalu-alukan dan saya sangat-sangat membert setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini yang telah menyedari bahawa perbuatan-perbuatan, amalan-amalan yang tidak sihat berlaku di dalam usaha-usaha memajukan perkembangan perdagangan kita sehingga para pengguna menjadi korban, pengguna menjadi tertipu, pengguna menjadi keliru dengan adanya perbuatan-perbuatan tidak sihat. yang dilakukan oleh mereka yang rahu mengambil untung cepat di dalam menjalankan usaha-usaha mereka.

Namun demikian, apabila saya dengar dua tiga kali Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan sewaktu membentangkan Akta **ini**, iaitu menyebutkan "apa-apa perbahasan", saya pun menung, fikir, apa perbahasan ini? Jadi apabila saya lihat ayat itu, "perbahasaan". Daripada mula asal saya dengar "perbahasan, perbahasan, perbahasan". Perbahasan macam mana ini? Rupanya "perbahasaan". Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana lidahnya tidak sama dengan lidah saya, tetapi ini adalah satu bahasa yang saya rasa baru, sebab saya sudah 50 tahun lebih saya belajar bahasa Melayu, saya mengikuti perkembangan Bahasa Malaysia, barangkali ini adalah bahasa yang digunakan di dalam istilah undang-undang. Kalau dalam istilah undang-undang, saya terima. Tetapi kalau digunakan kepada umum, saya rasa, kena cari satu istilah yang lebih senang orang ramai lebih faham - "memberi kuasa untuk memberi. erti bagi apa-apa perbahasaan atau petunjuk" - bagi yang tidak dapat mendalami perkembangan bahasa, ini merupakan satu Bahasa Malaysia barangkali, tetapi kita kena cari satu istilah daripada bahasa Inggerisnya kepada Bahasa Malaysia, tetapi oleh kerana naskhah sahnya dalam Bahasa Malaysia, jadi lebih baik kita betulkan supaya jangan di satu masa kita hendak pinda pula Akta ini kerana kalimah ini sahaja.

Jadi difahamkan bahawa Akta ini ialah untuk melindungi para pengguna daripada kelakuan-kelakuan salah tunjuk harga atau salah sebut harga atau membuat pengiklanan yang melampaui batas sehingga boleh mengelirukan orang ramai ataupun meletakkan harga kepada suatu barang, suatu benda, suatu perkhidmatan sama ada pengangkutan atau tempa tidur dan sebagainya yang tidak serupa dengan apa yang dapat diterima oleh pengguna. Iklan macam cakap tidak serupa bikin - lain iklan, lain yang didapat, lain iklan, lain harga yang dapat, lain harga, lain barang yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan mengenai dengan Akta ini dan melibatkan kepada perkara-perkara yang ada hubungannya di antara pengguna, pembeli, penjual sebagai orang yang mengadakan perkhidmatan banyak ceritanya. Jadi, masalah jual beli ini bukan sahaja melibatkan barang yang ada di kedai, di gedung-gedung atau di gudang-gudang atau barang yang ada di pameran-pameran sesuatu barang baru. Pada saya. Akta ini sepatutnya meliputi juga harga hasil mahsul orang kampung, orang petani, sebab ini juga pengguna. Orang kampung yang menoreh getah, harga getah mesti ditentukan. Suratkhbar kata lain, Radio selepas warta berita sebut harga getah lain, tetapi apabila seorang penoreh getah hantar atau bawa getah ke kedai, harga yang lain. Ini juga kena betulkan. Mesti Akta ini masuk di situ. Harga ikan yang ditangkap oleh nelayan, FAMA mengistiharkan melalui Radio, harga ikan Temenung atau ikan Kembung di sebelah Selatan, harga lain, gred A, gred B, gred C, tetapi apabila nelayan hendak jual ikan dengan harga yang lain, pemborong beli dengan harga yang lain. Jadi, ertinya harga yang **ditentukan**

oleh agensi Kerajaan oleh FAMA dan getah yang ditentukan oleh Majlis yang menentukan harga getah kita ini tidak diikuti, maka rakyat, orang ramai menjadi korban dalam hal ini.

Dalam hal harga getah, harga kelapa, harga koko, saya sudah bangkitkan dalam Dewan ini mengapa FAMA meletak harga koko di Bagan Datuk lain, di Kuala Selangor lain, di Banting lain, di Pontian lain. Sedangkan koko itu daripada jenis yang sama yang subsidinya daripada Jabatan Pertanian dan bajanya juga baja disubsidikan oleh Jabatan Pertanian melalui LPP dan sebagainya. Apabila harga diumumkan lain, petani menjual kokonya kepada pembeli sama ada pembeli itu berlesen atau tidak berlesen, orang kampung tidak cerita, dia cerita supaya mahu beli, dia jual.

Kalau harga koko kering satu kilo \$4.10, sekarang ini pembeli boleh letak harga \$3.50 - awak hendak jual, jual, tidak mahu jual memang harga koko hari ini jatuh - yang \$4.50 itu harga dua minggu yang lalu. Begitu juga dengan harga pekebun-pekebun getah yang menjual getah melalui getah kelompok. Nilai harga getah itu tidak dinilai pada harga hari itu dan bayaran tidak juga dibayar setelah dijual ditangguhkan dua minggu kemudian. Ada masanya duit bayaran getah itu lesap begitu sahaja. Apabila sudah lesap begitu, banyak aduan-aduan, banyak tanggungan, ada kilang yang terbakar termasuk resit-resit jualan terbakar. Jadi, habis cerita. Hendak bawa ke mahkamah pun tidak boleh. Yang menjadi korban, pengguna, rakyat,

Saya minta kepada Kerajaan supaya penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan ini meliputi semua. Di sini disebutkan masalah hal pelancong terutama sekali tempat penginapan, pengangkutan dan sebagainya. Jadi, memang elok untuk menjaga nama baik negara kita.

Sekarang kalau kita makan di satu kedai agak baik sedikit, kita kena cukai. Apakah benar-benar Kerajaan dapat cukai itu? Tidak adakah resit-resit yang disindiketkan, yang diselewengkan? Apabila ada pemeriksaan atau apabila cukup tahun resit yang dihantar kepada pihak Kerajaan sekian, sedangkan pelanggan, pengguna yang makan di situ sekian ratus ribu orang. Ini juga saya minta kepada Kerajaan supaya dapat mengawasi dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, tadi saya sebutkan masalah harga barangan hasil mahsul petani, nelayan kita. Kemudian masalah sekarang ini kita tahu, emas. Emas dalam negara kita ini ada juga macam-macam. Ada emas paun, ada emas sepuluh, ada emas Cina, ada emas India. Dan sekarang ini ada satu jenis emas, emas Melayu, yakni emas yang dibawa daripada Kelantan, emas Melayu. Dan harga emas ini juga berlain-lain - emas puluh sekian, emas Cina sekian harga satu mayam. Kalau timbangan dahulu mayamlah ya, sekarang saya tidak tahu kerana saya tidak pernah beli emas. Ada satu lagi emas kertas, ada satu lagi emas Arab pula. Emas Arab ini dibeli dari negeri Arab, beli di Mekah di musim Haji, bawa balik di sini, lain dia punya harga. Jadi, ini juga pengguna yang kena tipu. Suri-suri rumah yang kepingin mempunyai sedikit sebanyak perhiasan di badannya dan kadang-kadang memang kita membelikan barang-barang ini untuk anak isteri kita, selain daripada perhiasan itu juga satu cara penjimatan mengumpul duit sebab kalau sesak-sesak boleh digadaikan, dan kedai di pajak gadai ini juga melakukan penipuan daripada Akta Perihal Dagangan ini.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir, itu emas, emas ini apabila dibeli dengan nama ini nama **ini**, nama **ini**,

dipakai 6 bulan kemudian merahnya, lunturnya sama, emas Cinakah, emas sepuluhkah, emas Indiakah, emas Arabkah, emas Melayukah, warnanya turun dan apabila dibawa ke kedai untuk dinilai, dia kata nasib lu kurang baik, nasib Encik kurang baik kerana sudah kena tipu waktu beli. Beli dahulu dekat kedai mana, mana surat? Mana ada orang barang emas, ada simpan surat, kecuali hendak buat hantaran emas kahwin atau belanja hangus sahaja sebab hendak diisytiharkan ini emas harga sekian ratus sebagai hantaran, itu sahaja. Kalau hendak beli pakai sendiri memang tidak ada simpan resit di situ. Dan sekarang ini pula melibatkan kepada satu jenis batu. Yang kita tahu sekarang bata berlian atau intan,

Sekarang ada pula saya dengar satu jenis batu namanya batu Russia. Jadi, orang kampung tidak tahu mana batu Romaniakah, batu Russiakah, batu Pollandkah, batu bintang bulankah, tidak tahu, asalkan putih nampak cantik, berlianlah. Jadi, apabila satu-masa, Tuan Yang di-Pertua, merasa sesak, dibawa ke kedai pajak, dia kata ini bukan berlian. Ini tidak tahu apa batu. Tidak ada harga, tidak boleh hendak gadai. Ini juga sepatutnya di dalam Akta Perihal Dagangan ini dilibatkan. Kalau sudah terlibat bagus, saya ucapkan terima kasih, tetapi penguatkuasaan tolong diperketatkan.

Masalah pakaian. Kain-kain pun macam **itu**. Kain baju kita ini sekarang ini kalau kain batik yang dilukis oleh pembatik Kelantan sama dengan dilukis oleh pembatik-pembatik dari negeri Thailand dan sama dengan kain batik yang datang dari Jepun, apa lagi dengan batik Indonesia yang asal, sama sekarang **ini**. Ini juga pengguna tertipu kerana warna yang sama, lukisan, bentuk bunga yang sama, maka yang bukan batik Indonesia dikatakan batik Indonesia, yang bukan batik

Jawa, dikatakan batik Jawa, padahal itu batik daripada Nagasaki. Ini belaku. Kain pelikat begitu juga sekarang ini. Kain pelikat yang kita orang lelaki pakai, macam-macam. Dahulu kita kenal kain pelikat cap gajah dan cap kerusi. Sekarang macam-macam cap ada. In juga saya rasa kalau tidak termasuk di dalam penguatkuasaan ini, masukkan dalam penguatkuasaan perkara 120 kain pelikat, itu pakaian

Sekarang saya masuk kepada makanan, Tuan Yang di-Pertua.

Beras. Kita pergi ke kedai runcit. Kita tengok ada lima, enam guni beras dan dipuncak guni beras itu ada sekeping papan yang dibubuh tanda harga. Harga satu kilo katalah \$4. Ini beras Malaysia A panjang, tetapi apabila dia masak, apabila dia bawa balik, dia masak dia hancur tidak boleh jadi nasi yang perol, kalau dibuat nasi lemak, tidak boleh jadi nasi lemak yang sedap kerana harga itu harga beras Malaysia A panjang tetapi yang sebenarnya sudah dicampur 40% dengan beras lain. Ini juga berlaku. Apa lagi apabila menjelang Ramadhan menjelang Syawal, jarang sekarang orang yang hendak beli beras dia ambil beras satu genggam pergi tengok tidak ada.

Dia cakap sahaja beras, sekian gantang, sekian kati atau sekian kampil, sebab itu, saya pujilah LPN. Kalau hal masalah pengangkutan padi itu kadang-kadang kita tidak puas hati dengan LPN tetapi dalam hal ini saya puji LPN kerana dapat menangkap gudang yang memalsukan beras, beras yang bukan beras A panjang masukkan dalam kampil A panjang sebab hendak membuat cop di kampil plastik itu senang sangat, Ada satu blok sahaja dia boleh buat berapa ribu kampil, jadi campurlah beras daripada mana-mana yang menjadi korban pengguna kita yang makan beras. Apa lagi sekarang ini kalau kita hendakkan beras yang baik, yang betul-betul beras Siam yang tulin, tidak ada. Sebab kita masih juga beli beras Siam yang baik ini, beras Siam yang baik ini akan dijual secara gelap, kalau mahu harganya sekian, boleh. Kalau tidak, tidak boleh.

Begitu juga dengan barang-barang yang lain barang kegunaan sehari-hari **ini**. Cili kering, dia kata ini cili dari negeri China, ini cili daripada Burma, ini cili dari Cameron Highlands. Kita tidak tahu yang mana satu cili dari negeri China, cili dari Cameron Highlands, cili daripada Rangoon, kita tidak tahu tetapi apabila dibuat gulai, dibuat sambal tumis kesemuanya bau hangit. Harganya dengan harga cili yang baik. Harga cili yang nombor satu. Sepatutnya difikirkan baik-baik. Sebab itu kita tidak mahu berlaku seperti baru-baru ini apabila sayur-sayuran kita yang dikeluarkan daripada Tanah Rata begitu menggemparkan sehingga dua, tiga minggu kobis dan sayur-sayuran yang datang daripada Tanah Rata orang tidak berani beli, kerana takut lebihan, adanya berlebihan, yang banyak racun, racun rumpukah, racun bajakah, racun apa kita tidak tahu.

Jadi penguatkuasaan Undang-undang ini mesti terlibat di situ. Terlibat sama masalah di situ kerana yang kita tahu sekarang ini tidak serma petani-petani kita ini tahu masalah bab jenis-jenis racun kulat **ini**. Dia tahu beli sahaja dan dia gunakan, sedangkan racun itu mungkin telah mati tarikh kegunaannya, tidak boleh digunakan lagi tetapi masih dijual. Itu racun-racun kulat yang mendatangkan merbahaya.

Begitu juga barang-barang makanan dalam tin. Barang-barang makanan dalam **tin**, satu tin sardine yang ada di kedai yang telah dua tahun betul ada tulis tunjuk harga di situ \$1.60 misalannya tetapi sudah dua tahun masihkah boleh lagi dimakan isi dalamnya? Bahaya atau tidak? Juga misalannya buah anggur dalam **tin**. Buah laici

dalam tin yang sudah bertahun-tahun kadang-kadang satu, dua kedai di kampung ini orang kampung dia hendak beli buah anggur dalam tin, buah laici. dalam tin, kalau ada anak dia demam, itu jamlah dia hendak mencari buah anggur dalam tin atau buah laici dalam tin atau nenas yang dalam tin, atau menjelang bulan puasa. Ini. nampaknya banyak yang setuju, begitu ya? Benda. ini setahun sekali baru laku. Di supermarket apa lagi. Nenas dalam tin, laici dalam tin dia susun dengan cantik, dibubuh kertas yang baru, kertas yang lama sudah dikoyak sudah dimakan tikus, gam dia itu sudah tidak boleh pakai lagi tetapi ditukar dengan pembalut yang baru ditaruh harga, satu dozen \$10, harga biasa \$14, kita pun belilah satu bakul. Sedangkan tin itu sudah setahun lebih, dua tahun. ini keadaannya Tuan Yang di-Pertua.

Kadang-kadang kita hendak cakap pun nanti Yang Berhormat: Timbalan Menteri Menteri jawab, pegawai kita tidak cukuplah hendak periksa semua kedai. Kalau tidak cukup hendak periksa semua kedai, kita boleh gunakan alat Kerajaan. Kita boleh gunakan TV, buat siaran, gunakan radio, buat iklan, buat siaran. "Tuan-tuan, orang ramai kalau hendak belilah anggur dalam tin, hendak beli laici dalam tin...." Saya orang kampung suka beli, lemonade, ya? Orange dalam botol itu, kadang-kadang tutup dia itu, Tuan Yang di-Pertua, kita biasalah buat bintang-bintang dahulu, tutup botol itu, kan? Tutup botol itu sudah berkarat. Apabila kita buka tutup itu, patah leher botol leher ,botol itu patah!

Bukanlah jenis minuman dalam kotak sekarang ini, dalam dia ada dia punya pembungkus yang kechap, tahan, itu yang di kampung-kampung tidak sampai ini semua. Yang di kampung masih botol. Tutup botol

itu sudah berkarat." Kita buka tutup botol itu patah leher botol, bahaya atau tidak gabus yang ada ditutup botol itu kalau sudah dua tahun, boleh atau tidak dalam itu boleh mendatangkan satu kuman misalnya. Saya tidak hairan kalau budak-budak sekolah di asrama 40 pelajar asrama masuk hospital kerana ceret beret. Saya tidak fikir, mee kuning yang dibuat mee goreng atau nasi lemak atau makanan ringan yang dimakan itu yang menjadi sebab. Saya mengesyaki minuman-minuman stok lama yang masih dijual. Sepatutnya Kerajaan mengadakan satu kuatkuasa, menguatkuasakan satu undang-undang kalau air dalam botol yang sudah sekian lama yang menggunakan tutup daripada jenis-jenis zinc itu kalau satu tahun tidak laku musnahkan, kalau dapat tangkap rampas lesennya. Misalnya begitu. Itu barang-barang dalam tin, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi saya hendak sebut mengenai alat-alat ganti. Tidak usahlah hendak ganti mud guard Volvo, hendak ganti mud guard basikal, hendak ganti lampu merah motor Honda, Yamaha, hendak ganti tempat pemijak basikal (pedal), rantai basikal, sekeru-sekeru yang kecil. Barang-barang yang saya sebut ini tadi dia menunjukkan harga perbahaannya itu lain, tulis di situ \$1.20 tetapi kalau kita hendak betul-betul 80 sen boleh. 60 sen pun tidak apa ini pasal barang sudah lama. Ini tidak lakulah. Awak angkatlah 60 sen, pulang modal. Jadi, macam mana Undang-undang tunjuk harga. Sekejap dahulu penguatkuasa kita bukan main ligat, pusing tiap-tiap kedai, tidak ada tunjuk harga - salah. Salah tunjuk harga - salah.

Sekarang ini salah tunjuk harga pun jalan terus. Yang menjadi mangsa pengguna, orang kampung, keluarga kita, penduduk yang tinggal

dalam estet-estet, dalam ladang-ladang, saudara-saudara saya yang duduk di kampung baru, Kampung Baru Macap Umbu, Jasin, Batang Melaka, Bukit Pelanduk, Tanjong Sepat, tempat lain banyak kampung-kampung yang di hujung-hujung lagi ada. Begitu juga, sungguh pun sekarang kempen anti merokok tetapi kerana rokok juga masih digemari, rokok kalau, di kedai kopi memang boleh habis. Hari ini hantar besok habis. Tetapi kalau rokok di kedai-kedai runcit, kadang-kadang tiga bulan tidak, habis. Bahayakah atau tidak rokok yang sudah tiga bulan tidak laku dijual juga kepada pengguna?

Sampaikan sudah lembik batangnya, Tuan Yang di-Pertua. **[Ketawa]** Tidak ada apa-apa sudah lembik. Batang rokok itu lembik. **[Ketawa]** Rasa rokok itu pun sudah kata orang sekarang "hambar" tidak ada rasa apa-apa lagi. Nasib baik rokok sekarang berbungkus dengan kertas minyak, kalau tidak berbungkus dengan kertas minyak itu memang lembik, berbelang di dalam dia **itu**. Jadi ini juga sepatutnya dapat pihak Kerajaan mengawasinya, sebab ini untuk kepentingan pengguna-pengguna.

Kemudian saya masuk mengenai dengan alat-alat ganti, tayar basikal. Tayar basikal itu yang luar; yang dalam itu tiub. Ini di kedai ada dua tiga macam orang jual. Dia cakap, "Ini tiub Malaysia, ini tiub Singapore, ini tiub getah asli, ini tiub getah tiruan, Awak mahu satu yang mana? "Saya mahu getah asli". Getah asli punya tiub berharga \$4.00 lebih, pada hal benda itu sama semua, buatan Petaling Jaya. Tetapi dia boleh kata ini getah asli, ini getah tiruan, ini buatan Singapore, ini buatan PJ, kata dia begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan alat-alat ganti kenderaan yang lain. Kita kena fikirkan ini semua kerana ini masalah rakyat, masalah 15 juta rakyat kita, barangkali 10 juta menggunakan barang-barang yang saya cakapkan tadi. Alat-alat rumah begitu juga. Barangkali kita yang duduk di bandar kita tidak gunakan alat-alat yang macam orang kampung gunakan.

Paku, sebagai contohnya. Paku 25 tahun dulu kalau kita salah-salah ketuk paku itu melenting naik ke dahi. Tetapi paku sekarang tidak payah ketuk, dia masuk sendiri. **[Ketawa]** Paku sekarang lembik, Tuan Yang di-Pertua. Ada orang kata dawai dibuat paku, dia bubuh kepala dia buat tajam sedikit. Paku dulu lain dengan yang sekarang, tetapi dia letak harga begitu juga. Apabila kita tanya kenapa paku ini dua tiga kali ketuk sudah bengkok, dia kata Ini paku tiruan. Ini paku yang asli; ini buatan negara ini, ini buatan pekan ini, ini buatan bandar ini. Ini soal paku.

Lepas itu jenis ensel untuk tingkap-tingkap dan pintu-pintu. Ini semua kita kena fikirkan sebab ini kegunaan rakyat. Kalau kita tidak fikirkan ini apa kata dengan bal-bal lampu yang macam-macam warna sekarang ini. Orang kampung pun oleh sebab sekarang ini di setengah-setengah kampung sudah masuk elektrik, dia suka juga hendak pakai lampu yang "bunga teratai", dia hendak pakai yang balnya bulat macam matahari, supaya kalau dia terlentang siang pun macam malam, malam macam siang; penat menoreh. **[Ketawa]** Dia kepingin. Tetapi benda itu banyak yang tiruan, banyak yang tidak dikawal. Pengguna-pengguna menjadi mangsa.

Wayar eletrik begitu juga. Tempoh hari timbul soal kebakaran saya dengar. jawapan Menteri 25% kerana rokok. Mana boleh. Saya rasa 25% kerana wayar tiruan, wayar tipu. Tengok bangunan Kerajaan yang 50 tahun dulu wayar dia sampai sekarang masih elok, tetapi teagok kalau kita pasang wayar di rumah kita enam bulan dia punya pembungkus sudah mula bergelembong. Apa kata kalau tikus banyak. Kalau Majlis Daerah tidak ada unaha hendak menghapuskan tikus, tikus

banyak atas loteng rumah kita habis wayar-wayar kita kena kencing tikus, pembukus wayar menggelembong, wayar bocor, wayar short, terbakar! Bukan sebab rokok, sebab wayar. Saya hisap rokok tidak pernah terbakar pun. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, harga perabut. Sekarang **ini** di merata-rata tempat ada dijual perabut. Kalau kita pergi keliling Kuala Lumpur di bawah pokok pun orang buat bangsal. Di bawah bangsal orang buat kerja kahwin itu diletaknya perabut, dia tidak takut hilang, daripada tidak laku, dia kata biar orang tengok. Tengok harga perabut. Kitapergi kepada pihak Kerajaan dia kata perabut dibuat dari kayu getah, ini jadi perabut yang paling baik. Mungkin meja kita ini pun ada campur kayu getah. Tetapi sekarang kalau kita hendak pergi ke kedai perabut, pameran perabut, lelong perabut, dia kata, ini Burma punya, ini Indonesia punya, ini India punya, ini London punya. Tidak sebutpun akan kayu getah. Di pakai 2 hari patah sebelah kaki. Kita jemur tengok kayu itu akan berkulat. Ini juga penipuan. Yang menjadi korban ialah pengguna-pengguna, pengguna-pengguna yang mampu hendak beli perabut yang agak baik tadilah.

Kemudian saya masuk kepada penipuan tunjuk harga mengenai dengan air bateri. Ini perkara kecil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita semua pakai kereta. Saya pernah pakai bateri 6 tahun tidak apa-apa. Tetapi bateri yang "original" kata orang sekarang dan airnya itu air bateri yang baik. Tetapi mengapa bateri sekarang 6 bulan sudah "weak"; sudah tidak boleh pakai. Ini kerana air bateri yang dijual sekarang juga menipu pengguna. Tidak ada cap SIRIM. Kata kalau barang-barang yang macam ini mesti mahu diluluskan oleh

SIRIM. Semalam saya beli sebotol air bateri di kedai Caltex di depan hendak masuk ke Parlimen, tidak ada saya tengok cap SIRIM. Saya pun bawa baliklah. Anak saya kata, apa macam bapak hendak pakai air bateri, tengoklah dulu. Tidak ada cap SIRIM, saya pun tidak yakin, takut bateri Proton Saga saya nanti rosak. Jadi kita sudah katakan Proton Saga punya bateri tidak bagus, pada hal air tadi yang tidak betul. Sekarang berapa juta rakyat Malaysia yang menggunakan motosikal, yang menggunakan kereta, saudagar-saudagar yang menggunakan lori, tanker dan sebagainya yang menggunakan air bateri. Ini kita kena fikirkan. baik-baik.

Soal tayar basikal saya sudah sebut, sekarang soal baja, baja tiruan. Dulu saya pernah sebut dalam Dewan ini menyatakan ada baja yang dihantar ke FELDA, pasir. Menteri jawab tidak munasabah. Sekarang kita ada satu Akta yang sudah diluluskan kelmarin hendak tangkap kapal di laut. Sebab ada kapal yang ada bawa baja berhenti di laut sampai 2 bulan tidak bergerak-gerak. Jangan pula dia tukar pasir dengan baja, masa itulah dia tukar. **[Kctawa]** Lepas itu sudah penuh dua kapal dia pun hantarlah baja tadi taburlah jadi baja subsidi. Jadi apabila jadi baja subsidi rambutan buah ketot, jambu ketot, tanaman asparagus, asparagus kontot, tanam serai, serai tidak wangi; sebab apa? Kerana baja tidak betul, baja tiruan.

Jadi Akta ini saya minta dimasukkan ke situ. Libatkan sama sekali supaya jangan kita yang sudah merdeka, hendak sebut merdeka 30 tahun ini banyak kali malulah, seolah-olah macam sudah merdeka 30 tahun lampu ajaib, lampu Alladin, tetapi janganlah kita perkonon-kononkan rakyat kita dengan adanya Akta. Apabila disoal, ada Akta yang melindungi, tetapi Akta itu tidak melindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua kita menggunakan dapur sekarang, tidak menggunakan kayu **api**, tidak menggunakan kayu arang, menggunakan gas. Kalau mula-mula dulu keluar tong gas, satu tong boleh tahan 22 hari, gas sekarang 12 hari insya Allah, kering. Tong yang sama ukurannya. Saya tidak tahu adakah ini berlaku penipuan mangis gas yang di dalam tong itu tidak seperti yang dikehendaki ukuran beratnya sedangkan harganya sudah naik balik semula.

Jadi melibatkan perkara ini banyak. Minyak masak. Minyak masak berapa jenis sekarang **ini**. Kita tengok di Pulau Pinang minyak masak cap Buruh warnanya lain dengan warna minyak masak cap Buruh yang dijual di Johor. Juga berlaku penipuan. Minyak kacang, macam-macam jenis minyak kacang. Minyak jagung macam-macam ada yang kuning, ada yang merah jambu. Minyak kelapa sawit ada yang langsung tidak boleh digoreng ikan pun ada. Buat goreng ikan dia naik bueh sahaja. Bueh yang naik. Mengapa jadi begini? Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir.

Dalam kegunaan yang lain, jenis minyak rambut. Minyak rambut itu satu-satu jenama berlaku juga tiruan dan pengguna-pengguna gunakan. Rambut gugur, rambut putih, botak langsung pun ada **[Ketawa]**-sebab salah guna minyak rambut. Berjenis-jenis biskut, jenis-jenis gula-gula, jenis-jenis aiskrim, ini semua sekali melibatkan kepada penyedia dan pengguna-pengguna tetapi yang menjadi korban ialah pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, harga kereta. Ini naik sedikit standard harga kereta. Harga lain, jual lain, hendak terima ada "football money". Ini tolong betulkan. Kenapa "football money" ini masih ada?

Kemudian orang jual barang dari rumah ke rumah. Dia kata, "Tuan, rumah tuai sudah terpilih". "Sudah terpilih" - hebat, "terpilih". Dia pun isi borang, lusa datang satu kiriman. "Tuan sudah tempah barang-barang berharga \$8,000." Tak terkencing tuan rumah itu. [Ketawa]

Lt. Kol, (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat, saya minta maaf.....

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya sudahi ucapan saya dan saya menyokong Akta ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 3.00 petang esok, Jumaat, 27hb Mac, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.